# APENDIKS 1

# PETA LOKASI




**PETA MALAYSIA**

# PETA LOKASI SELANGOR DAN KUALA LUMPUR






**PETA LOKASI UNIVERSITI MALAYA (UM)**




**PETA LOKASI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)**

## PETA LOKASI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)






**PETA LOKASI KOLEJ BANDAR UTAMA**




**PETA LOKASI KOLEJ STAMFORD**

# APENDIKS 2

# BORANG SOAL-SELIDIK

Tarikh (Date):
Lokasi (Venue): UM / UKM / UPM / KBU / STAMFORD / PTPL

**BAHAGIAN A (SECTION A)**

Sila tandakan ( ) bagi jawapan anda *(Please tick ( ) your answer).*

1. Berapakah umur anda? *(What is your age?)*
   i. 15 tahun dan ke bawah *(15 years and below)* ☐
   ii. 16-20 ☐
   iii. 21-25 ☐
   iv. 26 tahun dan ke atas *(26 years and above)* ☐

2. Jantina anda? *(Your sex?)*
   i. Lelaki *(Male)* ☐ ii. Perempuan *( Female)* ☐

3. Apakah bangsa anda? *(What is your etnic group?)*
   i. Melayu *(Malay)* ☐
   ii. Cina *(Chinese)* ☐
   iii. India *(Indian)* ☐
   iv. Sabah/ Sarawak *(Sabahan/Sarawakian)* ☐
   v. Lain-lain *(Others)* ☐
   Sila nyatakan. *(Please identify)*______________

4. Apakah agama anda? *(What is your religion?)*
   i. Islam *(Islam)* ☐
   ii. Buddha *(Buddhism)* ☐
   iii. Hindu *(Hinduism)* ☐
   iv. Kristian *(Christianity)* ☐
   v. Tiada agama *(No religion)* ☐
   vi. Lain-lain *(Others)* ☐
   Sila nyatakan. *(Please identify)* ______________

5. Apakah bangsa bapa anda? *(What is your father's ethnic group?)*
   i. Melayu *(Malay)* ☐
   ii. Cina *(Chinese)* ☐
   iii. India *(Indian)* ☐
   iv. Sabah/ Sarawak *(Sabahan/Sarawakian)* ☐
   v. Lain-lain *(Others)* ☐
   Sila nyatakan. *(Please identify)* ______________________

6. Apakah pekerjaan bapa anda? *(What is your father's occupation?)*

_____________________________________________________

7. Apakah bangsa ibu anda? *(What is your mother's ethnic group?)*

i. Melayu *(Malay)* ☐
ii. Cina *(Chinese)* ☐
iii. India *(Indian)* ☐
iv. Sabah/ Sarawak *(Sabahan/Sarawakian)* ☐
v. Lain-lain *(Others)* ☐
Sila nyatakan. *(Please identify)* ____________________

8. Apakah pekerjaan ibu anda? *(What is your mother's occupation?)*

____________________________

9. Nyatakan komposisi etnik di tempat tinggal anda semasa kanak-kanak.
*(State the ethnic composition of your residential area during childhood).*

i. Kebanyakkannya Melayu *(Mostly Malays)* ☐
ii. Kebanyakkannya Cina *(Mostly Chinese)* ☐
iii. Kebanyakkannya India *(Mostly Indians)* ☐
iv. Melayu-Cina sama banyak *(Malay-Chinese equal)* ☐
v. Melayu-India sama banyak *(Malay-Indian equal)* ☐
vi. Cina-India sama banyak *(Chinese-Indian equal)* ☐
vii. Melayu-Cina-India sama banyak *(Malay-Chinese-Indian equal)* ☐
viii. Lain-lain *(Others)* ☐
Sila nyatakan. *(Please identify)* ______________________

10. Nyatakan komposisi etnik di tempat tinggal anda sekarang.
*(State the ethnic composition of your residential area currently).*

i. Kebanyakkannya Melayu *(Mostly Malays)* ☐
ii. Kebanyakkannya Cina *(Mostly Chinese)* ☐
iii. Kebanyakkannya India *(Mostly Indians)* ☐
iv. Melayu-Cina sama banyak *(Malay-Chinese equal)* ☐
v. Melayu-India sama banyak *(Malay-Indian equal)* ☐
vi. Cina-India sama banyak *(Chinese-Indian equal)* ☐
vii. Melayu-Cina-India sama banyak *(Malay-Chinese-Indian equal)* ☐
viii. Lain-lain *(Others)* ☐
Sila nyatakan. *(Please identify)* ______________________

11. Apakah bahasa atau bahasa-bahasa pertuturan anda? *(What language or languages do you speak?).*

i. Melayu *(Malay)* ☐
ii. Cina *(Chinese)* ☐
iii. Tamil *(Tamil)* ☐
iv. Inggeris *(English)* ☐
v. Lain-lain *(Others)* ☐
Sila nyatakan. *(Please identify)* ______________________

12. Sekolah aliran manakah yang anda hadiri di peringkat sekolah rendah? *(Which school stream did you attend to during primary level?).*

i. Aliran Melayu *(Malay stream)* ☐
ii. Aliran Cina *(Chinese stream)* ☐
iii. Aliran Tamil *(Tamil stream)* ☐
iv. Aliran Inggeris *(English stream)* ☐
v. Lain-lain ☐
Sila nyatakan. *(Please identify)* ____________________

13. Sekolah aliran manakah yang anda hadiri di peringkat sekolah menengah? *(Which school stream did you attend to during secondary level?).*

i. Aliran Melayu *(Malay stream)* ☐
ii. Aliran Cina *(Chinese stream)* ☐
iii. Aliran Inggeris *(English stream)* ☐
iv. Lain-lain ☐
Sila nyatakan. *(Please identify)* ____________________

14. Kini anda sedang melanjutkan pelajaran peringkat tinggi di… *(Currently you are pursuing you higher education at…)*

i. Universiti Malaya *(University of Malaya)* ☐
ii. Universiti Kebangsaan Malaysia *(National University of Malaysia)* ☐
iii. Universiti Putra Malaysia *(Putra University of Malaysia)* ☐
iv. Kolej Bandar Utama *(College of Bandar Utama)* ☐
v. Kolej Stamford *(Stamford College)* ☐
vi. Kolej PTPL *(PTPL College)* ☐

15. Fakulti / Jabatan / Major anda? *(Your Faculty / Department / Major?)*

____________________________________________

16. Anda berada di tahun pengajian yang keberapa? (What year are you in now?).

i. Pertama *(First)* ☐
ii. Kedua *(Second)* ☐
iii. Ketiga *(Third)* ☐
iv. Keempat *(Fourth)* ☐
v. Kelima *(Fifth)* ☐

**BAHAGIAN B (SECTION B)**

a) **Selalu *(Always)*** → 5-7 hari seminggu *(5-7 days a week).*

b) **Kadang-kadang *(Sometimes)*** → Kurang daripada 5 hari seminggu *(less than 5 days a week).*

c) **Jarang-jarang *(Seldom)*** → 1-2 hari sebulan *(1-2 days a month).*

d) **Tidak pernah *(Never)*** →Kurang dari sehari atau tiada langsung *(lessthan 1 day or not at all).*

1. Berapa kerapkah anda berhubung dengan kumpulan etnik lain? *(How often do you come into contact with the following ethnic group?).*

i. Melayu *(Malay)*

a) Selalu *(Always)* ☐
b) Kadang-kadang *(Sometimes)* ☐
c) Jarang-jarang *(Seldom)* ☐
d) Tidak pernah *(Never)* ☐

ii. Cina *(Chinese)*

a) Selalu *(Always)* ☐
b) Kadang-kadang *(Sometimes)* ☐
c) Jarang-jarang *(Seldom)* ☐
d) Tidak pernah *(Never)* ☐

iii. India *(Indians)*

a) Selalu *(Always)* ☐
b) Kadang-kadang *(Sometimes)* ☐
c) Jarang-jarang *(Seldom)* ☐
d) Tidak pernah *(Never)* ☐

iv. Lain-lain *(Others)*

a) Selalu *(Always)* ☐
b) Kadang-kadang *(Sometimes)* ☐
c) Jarang-jarang *(Seldom)* ☐
d) Tidak pernah *(Never)* ☐

Sila nyatakan. *(Please identify)* ______________________

2.Bagaimanakah anda menggambarkan hubungan etnik di kampus anda dalam aspek berikut? *(How would you describe ethnic relation on your campus in the following aspect?).*

i. Politik *(Politically)*

a) Memuaskan *(Satisfactory)* ☐
b) Kurang memuaskan *(Less satisfactory)* ☐
c) Tidak memuaskan *(Unsatisfactory)* ☐
d) Lain-lain *(Others)* ☐
Sila nyatakan. *(Please verify)*

______________________

ii. Sosio-budaya *(Social/Cultural)*

a) Memuaskan *(Satisfactory)* ☐
b) Kurang memuaskan *(Less satisfactory)* ☐
c) Tidak memuaskan *(Unsatisfactory)* ☐
d) Lain-lain *(Others)* ☐
Sila nyatakan. *(Please verify)*

______________________

3. Bagaimanakah jangkaan anda tentang perubahan dalam hubungan etnik di kampus anda dalam 5 tahun akan datang. *(How do you expect ethnic relations on your campus to change over the next 5 years time?).*

i. Akan bertambah baik *(Will improve)* ☐
ii. Akan tetap sama *(Will remain the same)* ☐
iii. Akan merosot *(Will deteriorate)* ☐

4. Bolehkah anda mengenalpasti masalah utama yang anda hadapi di kampus? *(Can you identify the main problems you have experienced in campus?).*

i. Ya *(Yes)* ☐ ii. Tidak *(No)* ☐

Sekiranya Ya, sila nyatakan. *(If Yes, please identify)*

________________________________________________

5. Adakah kampus anda menganjurkan aktiviti untuk menggalakkan perpaduan kebangsaan? *(Does your campus conduct activities to promote national unity?).*

i. Ya *(Yes)* ☐ ii. Tidak *(No)* ☐

Sekiranya Ya, sila nyatakan. *(If Yes, please identify)*

________________________________________________

6. Apakah masalah yang anda hadapi ketika berinteraksi dengan kumpulan etnik lain? *(What are the problems faced by you when interacting with other ethnic groups?).*

i. Bahasa *(Language)* ☐
ii. Budaya *(Culture)* ☐
iii. Sikap *(Attitude)* ☐
iv. Lain-lain *(Others)* ☐

Sila nyatakan. (Please identify) ____________________

7. Adakah anda mempunyai sikap negatif atau prejudis terhadap kumpulan etnik berikut? *(Do you have negative feelings or prejudice towards other ethnic groups?)*

i. Melayu *(Malay)*

a) Selalu *(Always)* ☐
b) Kadang-kadang *(Sometimes)* ☐
c) Jarang-jarang *(Seldom)* ☐
d) Tidak pernah *(Never)* ☐

Sila nyatakan sebab anda. *(Please state your reason).*

____________________________________

ii. Cina *(Chinese)*

a) Selalu *(Always)* ☐
b) Kadang-kadang *(Sometimes)* ☐
c) Jarang-jarang *(Seldom)* ☐
d) Tidak pernah *(Never)* ☐

Sila nyatakan sebab anda. *(Please state your reason).*

____________________________________

iii. India *(Indians)*

a) Selalu (*Always)*
b) Kadang-kadang *(Sometimes)*
c) Jarang-jarang *(Seldom)*
d) Tidak pernah *(Never)*
Sila nyatakan sebab anda. *(Please state your reason).*

______________________________

iv. Lain-lain *(Others)*

a) Selalu (*Always)*
b) Kadang-kadang *(Sometimes)*
c) Jarang-jarang *(Seldom)*
d) Tidak pernah *(Never)*
Sila nyatakan sebab anda. *(Please state your reason).*

______________________________

## BAHAGIAN C (SECTION C)

1. Kepelbagaian etnik di <u>kampus</u> ini membuktikan mempunyai lebih banyak kebaikan. (A multi-ethnic population on this <u>campus</u> has proven to be advantageous).

   i. Sangat-sangat bersetuju *(Very strongly agree)*
   ii. Sangat bersetuju *(Strongly agree)*
   iii. Sangat-sangat tidak bersetuju *(Very strongly disagree)*
   iv. Sangat tidak bersetuju *(Very strongly disagree)*
   v. Tiada pendapat khusus *(No particular feelings)*

2. Kepelbagaian etnik di <u>negara</u> ini membuktikan mempunyai lebih banyak kebaikan. *(A multi-ethnic population on this <u>negara</u> has proven to be advantageous).*

   i. Sangat-sangat bersetuju *(Very strongly agree)*
   ii. Sangat bersetuju *(Strongly agree)*
   iii. Sangat-sangat tidak bersetuju *(Very strongly disagree)*
   iv. Sangat tidak bersetuju *(Very strongly disagree)*
   v. Tiada pendapat khusus *(No particular feelings)*

3. Negara ini tidak dimiliki oleh orang Melayu sahaja. Ianya milik semua rakyat Malaysia. *(This country does not belong only to the Malays. It belongs to all Malaysians).*

   i. Sangat-sangat bersetuju *(Very strongly agree)*
   ii. Sangat bersetuju *(Strongly agree)*
   iii. Sangat-sangat tidak bersetuju *(Very strongly disagree)*
   iv. Sangat tidak bersetuju *(Very strongly disagree)*
   v. Tiada pendapat khusus *(No particular feelings)*

## BAHAGIAN D (SECTION D)

1. Bagaimanakah anda menerangkan hubungan etnik di Malaysia. *(How would you describe ethnic relations in Malaysia?).*

i. Politik *(Politically)*

a) Memuaskan *(Satisfactory)* ☐
b) Kurang memuaskan *(Less satisfactory)* ☐
c) Tidak memuaskan *(Unsatisfactory)* ☐
d) Lain-lain *(Others)* ☐
Sila nyatakan. *(Please verify)*

____________________

ii. Sosio-budaya *(Social/Cultural)*

a) Memuaskan *(Satisfactory)* ☐
b) Kurang memuaskan *(Less satisfactory)* ☐
c) Tidak memuaskan *(Unsatisfactory)* ☐
d) Lain-lain *(Others)* ☐
Sila nyatakan. *(Please verify)*

____________________

iii. Ekonomi *(Economically)*

a) Memuaskan *(Satisfactory)* ☐
b) Kurang memuaskan *(Less satisfactory)* ☐
c) Tidak memuaskan *(Unsatisfactory)* ☐
d) Lain-lain *(Others)* ☐
Sila nyatakan. *(Please verify)*

____________________

2. Apakah jangkaan anda mengenai perubahan dalam hubungan etnik di Malaysia dalam masa 5 tahun akan datang? *(How do you expect ethnic relations in Malaysia to change over the next 5 years?).*

i. Akan bertambah baik *(Will improve)* ☐
ii. Akan tetap sama *(Will remain the same)* ☐
iii. Akan merosot *(Will deteriorate)* ☐

**TERIMA KASIH DI ATAS KERJASAMA ANDA**
**(THANK YOU FOR YOUR CO-OPERATION)**

# APENDIKS 3

# KERATAN AKHBAR

# Polarisasi kaum pelajar IPT meningkat

Oleh MIR AZRI SHAHARUDIN

JOHOR BAHRU 8 April — Gejala polarisasi kaum di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan semakin meningkat sejak kebelakangan ini dan usaha perlu dilakukan bagi menghapuskannya demi perkembangan bangsa Malaysia yang sihat.

Pendedahan itu dilakukan oleh Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Kolej Universiti Teknologi Tun Husein Onn, Batu Pahat, Prof. Madya Ir. Dr. Amir Hashim dan Setiausaha MCA Bahagian Johor Bahru, Wee Ka Siong.

Prof Madya Ir. Dr. Amir Hashim berkata, polarisasi itu berlaku apabila pelajar Melayu, Cina dan India hanya bergaul dengan rakan mereka dari kaum mereka sahaja.

Menurutnya, punca pergaulan berdasarkan kepada kelompok masing-masing itu perlu dicari bagi memastikan gejala itu tidak lagi mendapat tempat di kalangan generasi muda di negara ini.

"Saya bimbang dengan perkembangan polarisasi kaum ini dan ia perlu dibanteras," katanya ketika berucap pada Forum Mengenai Strategi Perpaduan Nasional anjuran Biro Strategi dan Penyelidikan Pergerakan Pemuda MCA Kebangsaan di sini, hari ini.

Turut sama dalam forum itu ialah Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Kiat; Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjung Putri, Mohamed Kasbi dan Penolong Setiausaha Jawatankuasa Perhubungan MIC Johor, M. M. Samy manakala Ahli Dewan Undangan Negeri Stulang, Freddie Long pula bertindak sebagai pengerusi.

Dr. Amir juga berkata, graduan IPT yang lemah dalam bahasa Inggeris dan kebanyakan mereka didapati lebih suka berkhidmat di sektor awam berbanding dengan sektor swasta.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan berlaku ketidakseimbangan antara bilangan bumiputera yang berkecimpung di sektor swasta berbanding dengan rakan bukan bumiputera mereka.

Wee berkata, kelab perpaduan perlu ditubuhkan di setiap sekolah rendah, menengah dan universiti sebagai usaha untuk memupuk semangat muhibah di kalangan pelajar berbilang kaum.

Menurutnya, melalui cara itu, setiap pelajar dan mahasiswa akan mengetahui dengan lebih mendalam mengenai adat resam dan budaya serta agama yang terdapat di negara ini, sekali gus membantu mewujudkan masyarakat Malaysia.

"Kita juga berharap bahasa Melayu ditukar nama kepada bahasa Malaysia seperti sebelum ini sebagai cara untuk memupuk semangat patriotik seperti diajar pada tahun 1970-an lalu," ujarnya.

UM 9/4/01 m/s. 4

# Sekolah Wawasan mampu atasi masalah polarisasi kaum

UM 16/08/02 Jumaat Pg. 5

KUALA LUMPUR 15 Ogos — Penubuhan Sekolah Wawasan merupakan satu cara untuk memupuk perpaduan antara kaum dan mampu menjadi jawapan kepada masalah polarisasi kaum di kalangan generasi muda.

Aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, konsep Sekolah Wawasan menekankan tentang percampuran pelajar dari tiga aliran berbeza dalam pelbagai aktiviti yang akan menggalakkan interaksi sesama mereka.

"Memandangkan mereka akan berkongsi menggunakan kemudahan yang sama dalam kawasan yang sama, saya beranggapan Sekolah Wawasan dapat membantu memupuk perpaduan antara kaum," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau bersetuju dengan kenyataan Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Prof. Datuk Dr. Anuar Zaini Md. Zain bahawa pemisahan kaum di universiti sebenarnya bermula di peringkat sekolah.



LEE LAM THYE

Lam Thye berkata, senario ini sebenarnya sudah lama wujud dan ia boleh menjejaskan usaha untuk mencapai perpaduan kaum di negara ini.

"Kita harus mengakui memang hari ini wujud pemisahan kaum bukan sahaja di kampus universiti tetapi peringkat sekolah rendah dan menengah.

"Oleh itu, dalam apajua usaha menangani polarisasi kaum di universiti, harus bermula dari peringkat sekolah malah mungkin di tadika," tegasnya.

Beliau berpendapat masala polarisasi kaum harus dita ngani di peringkat tersebut ke rana jika tidak, sikap tida mahu bergaul dan berinteraks dengan kaum lain akan menjad sebati apabila pelajar memasu ki universiti.

Malah, katanya, keadaa akan menjadi lebih buruk lag apabila mereka keluar ke pasa ran kerja dan masuk dalam ma syarakat.

Dalam hal ini, beliau berpendapat Sekolah Wawasan adalal satu cara penyelesaian bagi masalah itu selain penubuhan kelab pelbagai kaum di sekolah dan universiti.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

UM
14/11/00 - Selasa
pg. 1

# 99% pelajar Melayu, Cina tidak bercampur kaum lain

Oleh ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 13 Nov. — Satu kajian Universiti Malaya mendapati 99 peratus pelajar Melayu tidak bercampur dengan bukan Melayu, 99 peratus pelajar Cina dan 97 peratus pelajar India enggan bergaul dengan pelajar lain-lain kaum.

**Ahli Parlimen Barisan Nasional Teluk Intan, Mah Siew Keong** ketika mendedahkan senario itu di Dewan Rakyat hari ini berkata, perkembangan itu tidak akan membantu merapatkan hubungan antara remaja dan belia pelbagai kaum sedangkan mereka adalah bakal pemimpin masa depan negara.

Menurut beliau, hasil perbincangannya dengan beberapa pensyarah di institusi pengajian tinggi mendapati semangat kejiranan dan perkongsian antara belia pelbagai kaum di negara ini tidak sebaik pada tahun 60-an dan 70-an.

Serentak itu beliau mencadangkan supaya diwujudkan konsep Anak Malaysia bagi mengatasi masalah polarisasi kaum terutamanya di kalangan remaja yang semakin melebar sekarang ini.

Beliau menggesa kerajaan menubuhkan satu jawatankuasa peringkat tertinggi untuk menangani masalah yang semakin ketara di kalangan generasi muda itu.

Beliau berkata, jawatankuasa itu perlu menggabungkan kepakaran beberapa kementerian termasuk Kementerian Pendidikan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat serta Kementerian Belia dan Sukan.

Mah yang membahaskan usul Belanjawan 2001 berkata, cadangan mewujudkan bangsa Ma-

■ Lihat muka 4

# 99% pelajar Melayu, Cina tidak bercampur kaum lain

(sambungan)

laysia seperti yang terkandung dalam Wawasan 2020 perlu melalui beberapa halangan dan cabaran sebelum ia dapat direalisasikan.

"Identiti bangsa Malaysia yang kita harap dapat dilaksanakan pada tahun 2020 memang baik tetapi sekarang baru tahun 2000 kita masih berhadapan dengan pelbagai masalah dan cabaran," katanya.

Beliau berkata, konsep Anak Malaysia yang dicadangkan itu perlu dilaksanakan di peringkat awal kerana golongan ini yang akan menjadi bangsa Malaysia seperti yang dirancang dalam Wawasan 2020.

Mah turut mencadangkan tiga langkah yang perlu dilaksanakan kerajaan bagi merealisasikan konsep Anak Malaysia ke arah mewujudkan interaksi maksimum di antara belia pelbagai kaum di negara ini.

Katanya, langkah-langkah tersebut termasuk mengadakan aktiviti kebudayaan dan sosial secara bersepadu dengan melibatkan semua kaum, menggalakkan pelajar berlainan kaum yang tinggal di asrama berkongsi bilik dan memupuk satu budaya politik baru kaum belia.

Sementara itu, **Datin Paduka Seripah Noli Syed Hussin (BN- Sepang)** mencadangkan supaya program celik komputer tidak dicampurkan dengan pendedahan kepada Internet di peringkat sekolah rendah walaupun ia berkaitan.

Sebaliknya, beliau berkata, penekanan terhadap penggunaan multimedia lebih sesuai digunakan kepada para pelajar sekolah di peringkat tersebut.

"Langkah memperkenalkan Internet ini hanya sesuai di peringkat sekolah menengah selain ia boleh menjimatkan kos operasi tahunan program celik komputer," katanya.

Beliau turut menyarankan supaya diwujudkan sekolah menengah aliran teknologi maklumat (IT) sejajar dengan tuntutan kursus-kursus di peringkat pengajian tinggi dan pada masa yang sama dapat memenuhi keperluan tenaga dalam bidang IT.

# Kelab Perpaduan akan ditubuh di sekolah, IPT

BH, Isnin 26/08/02 pg. 16

KUALA LUMPUR, Ahad – Panel Penasihat Perpaduan Negara (Panel) sedang merangka penubuhan Kelab Perpaduan di semua sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) bagi menyekat gejala polarisasi kaum daripada terus berleluasa sehingga menyebabkan perpecahan kaum.

Ketua Pengarah JPN, Datuk Abdul Rashid Saad berkata, Panel sudah berbincang dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat serta Kementerian Pendidikan bagi melaksanakan segera penubuhan kelab itu berikutan peningkatan gejala berkenaan di sekolah, IPTA dan IPTS.

Katanya, kelab perpaduan itu berbeza dengan persatuan dan kelab sedia ada di sekolah dan universiti kerana ia khusus memupuk semangat perpaduan pelajar.

"Kelab sedia ada walaupun menjurus ke arah perpaduan, ia tidak beri tumpuan khusus memupuk semangat perpaduan kaum," katanya pada sidang akhbar sebelum menutup projek perintis Pertandingan Pidato Muhibah IPTA 2002, di Universiti Malaya (UM), di sini hari ini.

Projek Perintis Pertandingan Pidato Muhibah IPTA 2002 diadakan bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman sesama kumpulan etnik serta memupuk sikap saling pengertian dan penghargaan ke arah meningkatkan dan mengekalkan perpaduan.

Empat IPTA mengambil bahagian dalam projek itu, iaitu UM, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Abdul Rashid berkata, selain penubuhan kelab, pertandingan pidato muhibah juga dapat meningkatkan kesedaran pelajar mengenai perpaduan.

Pertandingan itu akan diperluaskan ke IPTA dan IPTS dengan penyertaan penuntut yang lebih ramai bagi merapatkan jurang antara kaum.

"Program seumpama ini bukan saja meningkatkan toleransi, malah mengelakkan salah faham dan konflik dalam masyarakat," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, kajian JPN mendapati tidak ada gejala polarisasi kaum di universiti awam dan swasta dilaporkan sejak enam tahun lalu dan hanya satu kes membabitkan pergaduhan pelajar di Kolej Yayasan Melaka, Batu Berendam.

Bagaimanapun, beliau percaya gejala polarisasi wujud tetapi tidak dilaporkan dan mungkin tidak serius sehingga mengganggu ketenteraman awam.

# Wakil pelajar UM mahu hapus polarisasi kaum

Oleh Noor Azlina Zainduin

MAJLIS Perwakilan Pelajar Universiti Malaya (MPPUM) yang baru akan memberi tumpuan kepada usaha memupuk perpaduan dan menghapus polarisasi kaum kerana ia boleh menjejaskan matlamat kerajaan menjadikan universiti itu bertaraf dunia.

Masalah puak, kenegerian serta sentimen perkauman di kalangan pelajar yang masih berlaku, bukan saja di UM perlu ditangani sepenuhnya, sebelum ia menjadi serius dan sukar dibendung.

Yang Dipertuanya, Shahrul Zaman Lukman, 22, berkata sebagai permulaan, setiap aktiviti yang dianjurkan akan membabitkan semua pelajar tanpa mengira kaum, usia, atau perbezaan agama dan kepercayaan.

Antara aktiviti yang dirancang MPP sesi ini ialah Majlis Mega Aidiladha, Bengkel Induksi, Minggu Halaman Siswa, Hari Interaksi Bersama Pelajar Baru dan Malam Pengenalan MPMUM.

MPPUM juga akan mengadakan kempen khas bagi menerapkan konsep keamanan sejagat di samping menunjukkan bantahan keras terhadap mereka yang mengguna kuasa untuk menindas golongan lemah.

Shahrul berkata, MPP akan menjadi wadah utama dalam memperjuangkan kebajikan pelajar dengan menyalurkan setiap isu ke landasan yang betul, supaya dapat ditangani menerusi perbincangan.



Shahrul Zaman Lukman

Katanya, rundingan dengan pihak pengurusan adalah jalan terbaik untuk menyuarakan pandangan serta menyelesaikan isu membabitkan pelajar, sama ada mereka yang berada di dalam atau luar kampus.

Shahrul berkata, selaras dengan pembentukan jawatankuasa yang dibahagikan kepada sembilan biro, katanya, MPP menggariskan beberapa agenda utama untuk dicapai tahun ini.

Antaranya kebajikan pelajar, memupuk integrasi, pembangunan akademik di samping memberikan pandangan berkaitan isu sejagat.

"Dari aspek kebajikan, perkara utama yang diberi perhatian serius ialah menangani masalah utama pelajar seperti pinjaman kewangan, perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan perpustakaan dan kemudahan lain.

"Dari segi penginapan pula, dianggarkan hampir 40 peratus pelajar menyewa di luar kampus. Mereka sering menghadapi masalah terutama bagi mendapatkan khidmat pengangkutan untuk ke kampus atau balik ke rumah, terutama wanita.

"Kami sedar adalah mustahil untuk menempatkan semua pelajar di kampus. Justeru, apa yang boleh dilakukan ialah bagi memastikan mereka yang tinggal di luar kampus mendapat kemudahan pengangkutan terbaik dan selesa untuk berulang-alik," katanya kepada *Berita Harian*, baru-baru ini.

Selain Shahrul, Naib Yang Dipertua (YDP) dipegang Muhd Ramadhan Fitri Ellias; Mohd Najib Hashim, Mohd Yahya Fadzli Jusoh dan Noor Hidayah Kasim (Timbalan Naib YDP); Ng Choong Khee (Setiausaha Agung); Mostadza Md Halimi dan Shahidahllah Abdullah (Timbalan Setiausaha Agung); Nik Mohd Shazmizi Nik Sin (Bendahari Agung) dan Khor Chee Seng (Timbalan Bendahari Agung).

Sementara itu, 29 pelajar lagi dilantik jawatankuasa bagi sembilan biro iaitu Kebajikan dan Aduan, Penginapan Kolej Kediaman dan Pelajar Luar Kampus, Perhubungan Seranta, Hal Ehwal Wanita, Penerbitan dan Informasi, Integrasi dan Kemasyarakatan, Akademik dan Kerjaya, Kepimpinan dan Pembangunan Insan serta Sukan dan Kebudayaan.

MPP juga menyediakan borang aduan khas bagi memudahkan pelajar membuat aduan berhubung sebarang isu berkaitan mereka. Seterusnya aduan itu akan dikaji dan dibincangkan dengan pihak pengurusan bagi mencari jalan penyelesaian terbaik.

"Antara aduan yang sering diterima ialah berkaitan kes kehilangan motosikal dan kemalangan kecil. Bagi kes yang membabitkan kewangan seperti kemalangan atau sakit kronik yang memerlukan rawatan lanjut, MPMUM akan berusaha mendapatkan bantuan daripada tabung kebajikan universiti," katanya.

Shahrul berkata, MPPUM menyuarakan isu dalaman yang berkaitan kebajikan mahasiswa dan tiada kaitan dengan mana-mana parti politik.

Justeru, jika ada sesuatu isu yang dibangkitkan, tidak bermakna mereka boleh dilabelkan sebagai prokerajaan atau sebaliknya.

"Perjuangan kami atas dasar daripada mahasiswa kepada mahasiswa terutama dalam menyelesaikan isu berbangkit di samping melahirkan golongan intelektual yang berani menyuarakan pandangan demi kemakmuran bersama," katanya.

# Sentimen perkauman sempit jejaskan perpaduan

BH
6/9/02 - Jumaat
pg 11

BARU-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perpaduan kaum di universiti kini semakin longgar kerana sesetengah pelajar tidak mahu membabitkan diri dalam kegiatan anjuran pelajar kaum lain.

Berikutan itu, Kementerian Pendidikan dilaporkan akan menubuhkan jawatankuasa bagi mencari jalan bagi menggalakkan perpaduan pelajar universiti tempatan, termasuk penubuhan kelab yang dianggotai pelbagai kaum.

Reaksi menterinya, Tan Sri Musa Mohamad berhubung isu perpaduan kaum sangat positif kerana khabarnya beliau akan memanggil semua naib canselor dan rektor universiti tempatan untuk berbincang lanjut mengenai perkara itu sebelum jawatankuasa berkenaan ditubuhkan.

Tidak cukup dengan itu, Perdana Menteri juga mengumumkan hasrat kerajaan untuk memberi hadiah sebagai galakan kepada kelab di semua universiti yang mencipta kaedah merapatkan hubungan dan menarik penyertaan pelajar dari semua kaum.

Pengumuman istimewa itu dibuat sebagai susulan daripada kekecewaan beliau dengan sikap pelajar universiti sekarang yang bukan saja mengasingkan diri mengikut kaum dan tidak berkongsi bilik asrama, malah duduk berasingan di dewan kuliah, padang permainan atau dalam kegiatan kokurikulum.

Dr Mahathir menyifatkan keadaan itu tidak sihat dan berbahaya bagi masa depan negara kerana apabila keluar universiti untuk bekerja, mereka akan bertemu dengan masyarakat pelbagai kaum yang berbeza daripada masyarakat dalam universiti.

Menghayati semangat dan isi hati Perdana Menteri, penubuhan Sekolah Wawasan secara menyeluruh di seluruh negara ialah jalan terbaik bagi menyelesaikan dan menangani isu pemisahan kaum sejak dari peringkat awal.

Pelaksanaan sistem berkenaan mampu memberi kefahaman awal mengenai integrasi nasional dengan lebih cepat dan berkesan kerana ia dimulakan pada peringkat umur yang masih muda.

Keadaan ini berbeza dengan sistem tiga aliran pendidikan iaitu Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina dan SJK Tamil.

Justeru, kita harus mengakui bahawa pemisahan kaum bukan saja berlaku di kampus universiti, tetapi sudah bermula di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Sebaliknya, konsep Sekolah Wawasan yang memberi penekanan mengenai percampuran pelajar daripada tiga aliran berbeza akan menyuburkan interaksi sesama mereka.

Seperti diketahui, Sekolah Wawasan berkonsepkan tiga aliran sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan, SJK Cina dan SJK Tamil yang ditempatkan dalam satu kawasan. Bagaimanapun setiap sekolah menggunakan bahasa pengantar masing-masing.

Dengan itu, setiap jenis sekolah mengekalkan identiti asal sekolah masing-masing, tetapi kelainannya ialah mereka digalakkan berkongsi kemudahan seperti kantin, lapangan perhimpunan, gelanggang permainan dan padang.

Keharmonian dan sikap menghormati pasti dapat dipupuk kerana pelajar berbilang kaum berkongsi kemudahan sama dalam kawasan sama, selain melakukan pelbagai kegiatan secara bersama.

Malangnya, hasrat murni kerajaan gagal difahami pihak tertentu menyebabkan konsep Sekolah Wawasan tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

Pihak berkenaan sepatutnya berfikiran terbuka dan memahami bahawa konsep Sekolah Wawasan bukan bertujuan menghapuskan identiti sesuatu kaum seperti yang digembar-gemburkan sebelum ini.

Golongan penentang ini sebenarnya bersikap emosional dan jelas mengutamakan sentimen perkauman dalam memberikan hujah dan pandangan.

Sebab itu mereka sukar untuk menerima apa saja perubahan yang diusahakan kerajaan walaupun ia bertujuan memupuk perpaduan nasional dan merapatkan jurang antara kaum.

Malah, konsep Sekolah Wawasan ditentang individu dan pertubuhan ekstremis berasaskan kaum yang turut menentang pelaksanaan pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan.

Sikap golongan ini yang mementingkan diri dan

(bersambung)

(sambungan)

BH - 6/9/02, pg. 11

# DIALOG

Kepada:
**Pengarang (Harian Pembaca),**
**Berita Harian Sdn Bhd.**
**31 Jalan Riong,**
**59100 Kuala Lumpur**

No. Faks: 03-22822425

idealisme politik sempit tanpa memikirkan matlamat integrasi adalah penyebab utama pemisahan kaum di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti.

Kita ingin menyarankan kepada mereka yang menentang konsep Sekolah Wawasan supaya berfikir secara matang dan menerima kenyataan kehidupan rakyat majmuk di Malaysia serta membantu mencapai matlamat pendidikan bertaraf dunia.

Kita percaya, majoriti rakyat negara ini dapat menerima konsep Sekolah Wawasan yang menyediakan ruang terbaik untuk generasi pelapis dari sekolah tiga aliran, selain berinteraksi secara positif serta memperkasakan jalinan perpaduan.

Kebijaksanaan kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan menubuhkan Sekolah Wawasan adalah usaha murni yang perlu diberi pujian.

Ini kerana penubuhannya dapat mengukuhkan lagi perpaduan kaum yang sedia terjalin di negara kita sejak mencapai kemerdekaan pada 1957.

Sesungguhnya, perpaduan kaum adalah faktor utama yang menyebabkan negara kita dapat dimajukan. Dan keamanan yang dikecapi membolehkan kerajaan membangunkan negara dari Perlis hingga ke Sabah, dan merentasi kota ke desa.

**KHAMSATON SULIMAN,**
Pengerusi Pertubuhan Alumni,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

# Interaksi pelajar berlainan bangsa kian renggang

BH, khamis 17/10/02, pg 12

DALAM ucapannya ketika melancarkan Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar), Ogos lalu, Perdana Menteri mengumumkan kerajaan akan memberi hadiah sebagai galakan kepada kelab di semua universiti yang mencipta kaedah merapatkan hubungan dan menarik penyertaan pelajar dari semua kaum.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpendapat, pelajar universiti kini dilihat bukan saja mengasingkan diri mengikut kaum dan tidak berkongsi bilik di asrama, malah duduk berasingan di dewan kuliah, padang permainan atau dalam kegiatan kokurikulum.

Keadaan ini berbahaya dan tidak sihat dalam sebuah negara pelbagai etnik kerana apabila keluar universiti untuk bekerja, mereka akan bertemu masyarakat pelbagai keturunan yang berbeza daripada masyarakat ketika menuntut di universiti.



DR FIRDAUS ABDULLAH



LEE LAM THYE

Mengulas kebimbangan itu, tokoh akademik, Prof Datuk Dr Firdaus Abdullah, mengakui daripada pengamatannya interaksi di antara pelajar berlainan kaum semakin renggang.

Katanya, keadaan itu berbeza ketika beliau menjadi pensyarah kira-kira 30 tahun lalu, pelajar Melayu dan Cina boleh dilihat mengadakan 'study group' secara bersama dan spontan.

Beliau berkata, mereka bukan saja boleh berinteraksi untuk peningkatan akademik, malah dalam kegiatan sosial seperti bersukan dan pergi menonton wayang bersama-sama.

Bagaimanapun, katanya, dari setahun ke setahun hingga ke hari ini, interaksi sedemikian semakin berkurangan hinggakan pada tahap yang tidak ada langsung.

"Jadi saya membenarkan pemerhatian yang dibuat oleh Perdana Menteri mengenai kerenggangan itu.

"Tetapi apa yang kita nampak, ia hanyalah kerenggangan, belum lagi bertembung menjadi suatu perkelahian atau tindakan ganas," katanya.

Dr Firdaus berkata, masalah perkauman disedari semua orang, cuma kesedaran itu tidak diterjemahkan kepada tindakan konkrit dalam usaha menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Katanya, perkara yang ditimbulkan kembali Dr Mahathir hanya mengingatkan masyarakat kepada perkara yang disedari supaya dapat diterjemahkan pandangan dan nasihatnya itu kepada tindakan.

Beliau berkata, toleransi dan persefahaman adalah prasyarat untuk mewujudkan perpaduan dinamik dan produktif di kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Aktivis sosial, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata rakyat perlu sedar dan menghargai pentingnya untuk mewujudkan keharmonian dan perpaduan di antara kaum yang berkekalan.

Katanya, institusi pembelajaran seperti tadika, sekolah rendah dan menengah serta pusat pengajian tinggi hendaklah mengambil langkah memastikan ada interaksi di antara pelajar dan menangani isu polarisasi kaum.

"Kanak-kanak yang dibesarkan dalam suatu persekitaran yang mana hanya wujud interaksi dengan satu kaum akan membesar tanpa berinteraksi dengan mereka yang berlainan kaum. Ini terbawa-bawa sehingga mereka dewasa," katanya.

Lee berkata, perpaduan tidak boleh dicapai melalui undang-undang kerana rakyat tidak boleh dipaksa untuk bersatu.

Sebaliknya, katanya perpaduan harus disemai di lubuk hati setiap rakyat atas prinsip sukarela dan kesedaran mereka tidak mempunyai pilihan kecuali untuk hidup dalam keamanan dan harmoni antara satu sama lain.

Utusan Malaysia
18/mac/03

# Kerajaan cari punca polarisasi kaum elak daripada merebak

KUALA LUMPUR 17 Mac —
Kerajaan sentiasa mengambil
langkah sesuai untuk memben-
dang punca dan masalah yang
boleh menjadi penyebab kepada
polarisasi kaum agar ia tidak
merebak dan memusnahkan
perpaduan negara.

Menteri Perpaduan Negara
dan Pembangunan Masyarakat,
Datuk Dr. Siti Zaharah Su-
laiman berkata, untuk itu kera-
jaan telah memulakan usaha
dari peringkat sekolah lagi se-
perti membuat beberapa peru-
bahan penting dalam Dasar
Pendidikan Negara.

"Ini termasuk menyeragam-
kan pendidikan agama di seko-
lah-sekolah dan penerapan ba-
hasa Inggeris melalui mata
pelajaran Sains dan Matematik
agar satu-satu kaum tidak ke-
tinggalan.

"Proses ini penting dilakukan
dalam abad ini memandangkan
ketiadaan ilmu yang seimbang
boleh mengakibatkan jurang da-
lam masyarakat seawal pering-
kat awal persekolahan lagi,"
katanya.

Beliau berkata demikian ke-
pada pemberita selepas me-
nyampaikan ucaptama pada Se-
minar Kebangsaan, Perpaduan
melalui Kepercayaan Berkomu-
nikasi: Peranan Media, anjuran
Konrad-Adenauer-Foundation
(KAF) dan Asian Institute for
Development Communication
(Aidcom) di sini hari ini.

Hadir sama Pengarah Ekse-
kutif Aidcom, Khairul Bashar
dan Wakil KAF, di Kuala Lum-
pur, Peter Schier.

## Nilai

Seminar tiga hari itu turut
menjemput wakil-wakil media
dan ketua-ketua agama untuk
sesi perbincangan serta berinte-
raksi bagi mencari nilai yang
sama dalam masyarakat yang
berpegang kuat kepada toleran-
si.

Siti Zaharah berkata, tujuan
kerajaan menghentikan bantu-
an kepada Sekolah Agama Rak-
yat (SAR) juga adalah antara
lain bertujuan memberikan ja-
minan kualiti pelajaran agama,
memberikan pendidikan sera-
gam tanpa penyelewengan ke-
pada para pelajar.

"Kerajaan juga tidak mahu
tumpuan hanya diberikan kepa-
da pendidikan agama secara
keterlaluan dan meninggalkan
bidang lain yang boleh me-
nimbulkan kecurigaan kepada
komuniti lain sehingga mewu-
judkan perpecahan dan
polarisasi kaum," katanya.

Sekolah katanya, adalah satu
tempat sesuai dalam usaha me-
rapatkan jurang polarisasi me-
nerusi pelbagai program yang
disediakan.

Dasar Ekonomi Negara juga
kata Siti Zaharah, cuba menye-
imbangkan kedudukan agar se-
mua kaum di negara ini menda-
pat manfaat yang sama
daripada pulangan pelaburan
yang dilakukan.

Dalam pada itu beliau turut
mengalu-alukan cadangan pe-
nubuhan Yayasan Perpaduan
Negara untuk tujuan pembang-
unan perpaduan rakyat di nega-
ra ini secara komprehensif dan
bersepadu.

Kementerian katanya, seda-
ng mengkaji secara terperinci
mengenai cadangan tersebut
dan perlu mengadakan perbin-
cangan mengenainya.

Cadangan penubuhan yayas-
an itu dikemukakan oleh aktivis
masyarakat, Tan Sri Lee Lam
Thye, bulan lalu

(Rabu)
UM, 11/04/01, pg. 4

# Polarisasi kaum

## Pelajar nafikan jurang kian serius

Oleh ZULKIFLI BACHOK
Gambar HALIM KHALID

PARA pelajar di Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menafikan dakwaan gejala polarisasi kaum di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan meningkat.

Mereka berpendapat kejadian tersebut hanya berlaku kepada sebilangan kecil pelajar dan ia tidak wajar diperbesar-besarkan seolah-olah menggambarkan berlakunya jurang pergaulan yang luas di antara kaum di IPT.

Seorang pelajar Fakulti Sains Komputer UTM, **Nor Mina Azib**, 29, berkata, beliau mempunyai ramai rakan daripada kalangan pelajar Cina dan India dan bergaul setiap hari dengan mereka.

"Kami berbual dan berbincang bukan sahaja mengenai pelajaran ketika di kampus, malah juga mengenai perkara harian yang lain dan adakalanya kami keluar bersantai bersama," katanya.

Baru-baru ini, Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Prof. Madya Ir. Dr. Amir Hashim dan Setiausaha MCA Bahagian Johor Bahru, Wee Ka Siong mendakwa gejala polarisasi kaum di IPT meningkat.

Menurut mereka, polarisasi ini berlaku apabila pelajar Melayu, Cina dan India hanya bergaul dengan rakan mereka daripada kaum mereka sahaja.

**Deborah Goh**, 30, seorang siswa Fakulti Pendidikan UTM berpendapat, mereka yang membuat kenyataan mengenai polarisasi di IPT ini tidak membuat penyelidikan yang terperinci mengenai realiti sebenar.



NOR MINA AZIB



MUHD. HILMI ABDULLAH



J. SHANTI

"Mereka mungkin mahu menjadikannya sebagai isu politik untuk mendapatkan ganjaran daripada kenyataan tersebut," ujarnya.

Menurutnya, sikap tolak ansur terhadap budaya dan adat resam merupakan kunci perpaduan yang dinikmati selama ini.

Manakala **Muhd. Hilmi Abdullah**, 32, seorang pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektronik UTM pula berkata, beliau merupakan seorang berbangsa Cina yang memeluk Islam lebih setahun yang lalu.

Beliau menambah, pergaulan antara kaum yang erat merupakan salah satu faktor penting yang membantunya mengenali agama Islam.

"Sudah tentu saya tidak akan mengenali isteri saya yang berbangsa Melayu sekiranya pergaulan saya terbatas di kalangan bangsa Cina sahaja," katanya.

Seorang penuntut di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (UM), **J. Shanti**, 25, berkata, gambaran yang diberikan oleh sesetengah pihak mengenai polarisasi kaum di IPT adalah tidak tepat kerana realitinya pelajar tidak mempunyai pilihan selain bergaul dengan semua pelajar tidak mengira keturunan.

"Di sini kita tidak mempunyai rakan sekampung seperti semasa bersekolah dahulu kerana kebanyakan datang dari negeri dan kampung yang berlainan.

"Ini menyebabkan kita terpaksa menyesuaikan diri dengan pelajar berbilang kaum yang datang dari seluruh negara," katanya.

**Shima Jelani**, 24, dari Fakulti Sains Komputer UTM berkata, pelajar-pelajar masa kini lebih berfikiran terbuka berbanding pelajar dahulu.

"Saya yakin peristiwa pergaduhan di Kampung Medan tidak akan berlaku di sini kerana semuanya menghormati agama dan budaya masing-masing, katanya.

Tambahnya, pendidikan di universiti bukan sahaja menjurus kepada kerjaya semata-mata malah turut menekankan pentingnya persaudaraan dan persefahaman di kalangan masyarakat.



PELAJAR IPT berbilang kaum berbincang dengan mesra sesama mereka ketika ditemui di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Bagi **Nooraniza Mohd. Yusof**, 25, seorang penuntut di Fakulti Pendidikan UM, beliau berpendapat polarisasi kaum yang berlaku pada sebilangan kecil pelajar disebabkan semangat kenegerian yang menebal di sanubari mereka.

"Mereka berasa lebih selamat berada di kalangan kumpulan yang bertutur dialek yang serupa," ujarnya.

Secara keseluruhan katanya, masalah polarisasi ini tidak serius dan beliau sendiri tidak pernah rasa terpinggir ketika berada di kelompok bangsa lain.

Bagaimanapun, **Muhammad Hanif Osman**, 26, seorang siswa di Fakulti Teknologi Maklumat UM berkata, jurang perbezaan antara kaum di universiti masih wujud.

Menurutnya, masalah ini timbul akibat daripada sistem persekolahan yang membezakan kaum yang kini digunakan.

"Pelajar yang lahir daripada sistem ini kemudiannya tidak pandai menyesuaikan diri dengan masyarakat berbilang bangsa ketika di universiti," tambahnya.

um, 11/04/01 (Rabu)
pg. 4

# Polarisasi kaum masih terkawal

Oleh ROHANI ABDUL AZIZ

PEMIMPIN-pemimpin pelajar dari universiti-universiti tempatan memberikan pelbagai ulasan mengenai masalah polarisasi kaum yang serius di kalangan mereka.

Walaupun rata-rata tidak menafikan kewujudan masalah tersebut, namun bagi mereka ia masih di tahap terkawal dan tidak membimbangkan.

Menurut Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Malaysia (PMUM), Mohd. Fuad Mohd. Ikhwan, perkara itu sewajarnya tidak dinilai tanpa kajian terperinci.

"Di Universiti Malaya (UM) misalnya, masalah polarisasi kaum bukanlah suatu masalah yang besar, dan PMUM melihat ia adalah di peringkat yang positif," ulas Mohd. Fuad yang melihatnya dari aspek politik kampus.

Malahan menurutnya, barisan kepimpinan PMUM sendiri terdiri daripada pelbagai kaum dan ia telah diamalkan bermula dari sesi 1997/98 lagi.

Polarisasi yang berlaku di institut pengajian tinggi awam (IPTA) wujud apabila interaksi hanya berlaku di antara kelompok etnik yang sama sahaja.

Semalam, Timbalan Dekan Akademik Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Prof. Madya Ir. Dr. Amir Hashim dan Setiausaha MCA bahagian Johor Bahru, Wee Ka Siong, mendedahkan masalah polarisasi kaum yang dikatakan kian serius di kalangan pelajar IPTA dan perlu dibendung segera.

"Dalam berorganisasi tidak wujud sentimen perkauman ini, jika ada ia mungkin disebabkan oleh sentimen individu semata-mata," tambah Fuad lagi.

Bendahari Kehormat Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (PMUKM), Norazizone Norhan menegaskan bahawa walaupun terdapatnya unsur-unsur pengasingan etnik di kalangan warga universiti namun ia tidak bermaksud hilangnya ruang untuk berinteraksi dengan kelompok etnik yang lain.

*Norazizone berpendapat, polarisasi kaum mungkin* berlaku akibat kurang interaksi silang budaya di antara pelajar berbilang kaum.

"Fakulti rumpun sains misalnya, lebih cenderung dicap mengamalkan konsep polarisasi lantaran kurangnya ruang interaksi budaya.

"Namun bagi aliran sastera mereka lebih banyak ruang dan kesempatan untuk sama-sama membincangkan isu-isu budaya yang menyebabkan jurang polarisasi ini dapat dikurangkan," ujarnya.

Manakala menurut Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Sains Malaysia (PMUSM), Izwandy Idris, walaupun tidak dinafikan akan kewujudan masalah ini namun ia tidaklah sehingga menjejaskan perpaduan kaum di kalangan warga kampus USM.

"Namun ia seharusnya dilihat dari segi pro dan kontranya, iaitu jika ditinjau dari aspek psikologi, terdapatnya kecenderungan untuk berada dalam kelompok yang sama, dengan amalan agama yang sama, kerana ia akan melahirkan perasaan yang lebih selamat," ujarnya.

Justeru, katanya para mahasiswa tidak boleh disalahkan sepenuhnya terhadap situasi yang berlaku ini, kerana ia adalah fitrah biasa.

Bagaimanapun Izwandy berpendapat, paling utama adalah *bagaimana caranya untuk terus mengekalkan* mentaliti kaum dan berbangga dengannya dan dalam pada masa yang sama, "kita juga boleh menerima budaya dan mentaliti kaum yang lain dan boleh berinteraksi tanpa sebarang masalah."

*Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia* (PMUTM), Mohd Mushrif Omar juga tidak menolak kenyataan wujudnya perkara tersebut, namun beliau melihat ia sebenarnya terpulang kepada diri individu itu sendiri.

Menurutnya lagi, di UTM, punca permasalahan yang dikenal pasti adalah dari aspek penempatan.

"Pada tahun satu, para mahasiswa diwajibkan tinggal di dalam kampus yang menyebabkan percampuran kaum, tetapi apabila memasuki tahun dua atau tiga, kekurangan tempat di dalam kolej menyebabkan ada di antara mereka yang terpaksa mencari penempatan di luar," katanya.

Justeru, tambah beliau, mereka akan berada dalam kelompok yang agak tertutup kerana realitinya, pelajar yang menginap di luar akan hanya terdiri daripada kelompok etnik yang sama sahaja.

Bagi Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (PMUKM), Mahadi Sukarno pula, polarisasi kaum bukanlah satu masalah besar yang perlu digembar-gemburkan. Jika ia benar-benar berlaku, yang paling utama ialah bagaimana cara mengatasinya.

"Di peringkat pimpinan, mungkin tidak ada masalah untuk berinteraksi dengan berbilang kaum, tetapi *yang biasanya menjadi masalah ialah di peringkat bawahan,*" tambahnya lagi.

Justeru katanya para pemimpin pelajar perlu mencari langkah terbaik untuk mengintegrasikan rakan mahasiswa lain di bawah satu semangat nasional yang sama.

# Polarisasi kaum di IPT terkawal

DEWAN RAKYAT

Laporan Rohaniza Idris dan Tuan Nazuri Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Rabu – Masalah polarisasi kaum yang berlaku di institusi pengajian tinggi (IPT) terkawal dan tidak berada pada tahap kritikal seperti didakwa setengah pihak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir berkata perkara itu dapat dibuktikan melalui pembabitan pelajar pelbagai kaum dalam kegiatan yang dianjurkan persatuan atau kelab pelajar dan aktiviti anjuran universiti.

"Namun, kementerian tidak menafikan wujud kecenderungan segelintir pelajar daripada sesuatu kaum berkumpul [illegible] sendiri ketika di kafeteria, belajar di perpustakaan dan bersiar-siar di kampus," katanya menjawab soalan Datuk Dr Ting Chew Peh (BN-Gopeng) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Mahadzir berkata, kementerian sudah mengambil beberapa langkah menyeluruh bagi menggalakkan penyertaan semua kaum dalam pelbagai kegiatan yang dianjurkan di universiti.

Aktiviti itu dijalankan melalui penubuhan gabungan semua persatuan anak negeri, Majlis Perwakilan Pelajar, Kumpulan Pembimbing Pelajar Minggu Suaikenal, pesta konvokesyen, aktiviti kokurikulum dan penempatan di desa siswa.

Ketika menjawab soalan tambahan Datuk Dr Hassan Mohd Ali (PAS-Parit Buntar) sama ada kementerian bercadang melahirkan pendekatan yang holistik dalam kehidupan bermasyarakat, Mahadzir berkata beliau bersetuju mengenai perlunya ada usaha serius untuk hidup bermasyarakat yang akhirnya merapatkan hubungan rakyat pelbagai kaum.

"Soal integrasi ini soal serius tetapi kenapa kita sesama Melayu sendiri masih tidak dapat menerima satu sama lain, berpecah, hidup berasingan walaupun kita sebangsa dan seagama," katanya.

Kepada soalan tambahan Datuk Dr Yusof Yacob (BN-Sipitang) mengenai persatuan anak negeri yang kini kurang digalakkan di setengah IPTA, Mahadzir berkata ia disebabkan antara lain sesetengah persatuan anak negeri dipengaruhi dengan pemikiran aliran politik tertentu dan akibatnya boleh membahayakan.

Sementara itu, ketika menjawab soalan Thong Fah Chong (BN-Ipoh Timur), Mahadzir berkata penggredan sekolah kepada Gred A dan Gred B dilaksanakan setiap tiga tahun sekali bagi menentukan norma perjawatan sekolah dan anggaran belanja mengurus perjawatan.

Kriteria yang diambil kira ialah jumlah pengambilan pelajar, lokasi, jenis, aliran, sesi, peringkat sekolah dan bilangan penghuni asrama.

Pencapaian prestasi akademik tidak diambil kira dalam menentukan gred sesebuah sekolah dan penetapan sekolah Gred A atau Gred B tidak menggambarkan pencapaian prestasi akademiknya, katanya.

Mail Letters to the Editor, Menara Star, No.15 Jalan 16/11, Section 16, 46350 Petaling Jaya. e-mail: editor@thestar.com.my
*Letters must carry the sender's full name, address, telephone number and signature. A pseudonym may be included.*
The Star,
ar WEDNESDAY 22 January 2003 -pg 24

# Bringing back glory days

## Present policies can reinvent education system

THE Education Ministry is to be complimented on its determination to inject a new lease of life into national schools to make them attractive to pupils of all races.

It is sad that these schools, some of which were of premier quality, have deteriorated somewhat, to the extent that many parents are opting to send their children to vernacular schools and even *sekolah agama rakyat*.

This nation has schools to be proud of, like Victoria Institution, Anderson School, Penang Free School, King George V, and all the La Salle establishments.

While some of these venerable institutions struggle to maintain standards, one has to examine why things are not what they used to be.

One reason may perhaps be the neglect of the English language, and the other, undue emphasis on the Islamic religion, to a degree that non-Muslims in such schools feel uncomfortable.

While cabinet policy dictating these matters may be fair and clear, it is the over-zealousness of civil servants, administrators and teaching staff who implement it, whether unintentional or otherwise, that leaves much to be desired.

In short, enthusiasm can be forgiven, but what is troubling is the existence of certain people with ulterior motives and sympathies towards religiously oriented political parties.

Incidents like the compulsion of all pupils irrespective of race to wear the *baju kurung* on Fridays or the requirement for everyone to wear long pants during physical education, do little to inspire confidence and endearment towards national schools.

Furthermore, reports of harassment of moderate Muslim pupils by teachers with extreme ideas are indeed disturbing, and such undesirable elements might have to be dismissed from service.

The move by the ministry to reintroduce English, at least in the teaching of Science and Mathematics, is a positive one, as is renewed interest in English Literature.

It would seem that at the time when English was the language of education in Malaysia, racial integration was much better.

Whether we would want to accept it or not, an English education, together with its poetry, literature and history did impart a sense of fair play, moderation and tolerance.

There is nothing wrong in accepting what is deemed good from the British.

The ministry is also to be commended on its decision to re-introduce Chinese and Tamil language classes in national schools. This will do much to reduce the feeling of alienation felt by many non-Malays.

Furthermore, attendance at such classes should be left open, which would mean that Chinese lessons should not be confined to Malaysian Chinesepupils exclusively, nor Tamil to Malaysians Tamil.

Anyone should be free to choose whatever language he or she wishes to learn.

Finally, it is hoped that the ministry would consider religious education in schools. While Muslims go for their religious class, Christian, Hindu and Buddhist children should be given instruction in their own faiths, with their parents' consent.

We are continually told that all religions impart good values. There should be no harm then in teaching all creeds to those who require such instruction in schools.

It is believed that positive and constructive policy in this direction, which is very much in line with the creation of a Malaysian identity, will be a tremendous asset in the arduous process of nation building.

**DATUK DR S. VIJAYARATNAM,**
**Seremban.**
*(via e-mail)*

# The drift must be arrested

NST 17/6/2002 - Monday pg 10

**Multi-cultural Malaysia as a slogan seems to ring a little hollow these days. The racial divide persists. People still live in their little boxes, and this could be a recipe for disaster, says JOHAN JAAFFAR.**

WE learned it the hard way in 1969. The May 13 incident forced us to recognise that not all was well with race relations.

Since then, gallant attempts have been made by politicians and community leaders alike to portray the kind of harmonious multi-racial and multi-cultural mix that makes for a vibrant Malaysia.

But reality sets in when there are incidents such as the racial skirmishes at Kampung Medan, in Petaling Jaya, last year.

What went wrong? May 13 has been analysed by the best of minds and with the best of intentions. The New Economic Policy and the National Educational Policy were the products of such studies.

But just as we thought we had found a magic formula to address the issue, the Kampung Medan incident woke us from our slumber. It was fortunate that it happened in a time of relative prosperity. And we were better prepared to contain the damage.

The truth is, Malaysians are still segregated along racial, social and, more importantly, religious lines. Sadder perhaps, many among the races are still living in their own cocoons, with little or no substantial contact with the others.

We have acknowledged that assimilation among the races is almost impossible to achieve. Perhaps integration is a more pragmatic approach. We should be content that our people can live harmoniously side by side. A *Bangsa Malaysia* should be more in spirit than in appearance. Because appearances can be deceptive.

As Malaysia progresses, many of us tend to take things for granted, especially in matters touching race relations.

The divide among the Malays themselves since 1998 is serious enough. Umno lost its strongholds in many areas. Politics has divided the Malays as never before. To many within the divide, the die is cast. Nothing the Government does will satisfy the other side. No policy is viewed without suspicion.

Among the other races too, a sizeable part of our population is drifting further and further apart. Everyone has their own reasons. The Malays, as they become with the path of righteousness. They go deeper and deeper into their religion, thus deliberately "avoiding" others.

The Chinese, for chauvinistic reasons at worst, would rather send their children to Chinese schools.

As more and more Malays send their children to religious-based schools, more and more Chinese look to Chinese schools for their children.

The Chinese may have the impression that the education policy of this country is too Malay/Muslim-centric. The perception is that students in Sekolah Kebangsaan are less able to cope with mathematics and science and the culture of hard work is not well drilled in these schools. Perceptions may be far from the truth. But confidence in a system, unfortunately, is built around perceptions.

Not many people know that despite the National Education Policy and National Education System, only 2.1 per cent of Chinese and four per cent of Indians parents send their children to Sekolah Kebangsaan at the primary level. One has to bear in mind that there are more than three million students at primary level, not to mention another 1.5 million at various stages of pre-schooling.

> **After 1969, we addressed racial issues with a mix of social engineering, patriotism and slogans... as the aftermath of 1969 taught us, anything that can bind the various races should at least be attempted.**

On the other hand, there are a substantial number of Malay parents who hold the view that the National Education Policy is too "secular" for their liking. As many as 910,000 Malay/Muslim students are now attending private religious schools

The worrying thing is that 30 per cent of these schools are beyond the reach and control of the Ministry of Education. And many of the parents who send their children to such schools are the products of the so-called secular schools themselves.

The path of those millions of children will never cross. Needless to say, it is a recipe for disaster.

Chinese schools are a unique phenomenon in Malaysia. And they are here to stay. In fact the 1992 Minority Rights Group Report on the Chinese in Southeast Asia noted that "Malaysia has Southeast Asia's most comprehensive Chinese-language system of education". Even in Singapore where the population is 75 per cent Chinese, schools teaching entirely in Chinese no longer exist.

As pointed out by Tan Liok Ee in *The Politics of Chinese Education in Malaysia 1945-1961*, despite the political sensitivities in Malaysia's multi-ethnic society, Chinese schools have remained a resilient system of education.

Chinese educationists are very influential in the community. So too the various lobbies and pressure groups. They are fiercely independent.

Any attempt to introduce policies even remotely construed as threatening the position or character of Chinese education is met with rabid opposition. Chinese political parties — even those within the national coalition — understand the power of these groups.

The Vision School concept introduced on an experimental basis by the Ministry of Education is a classic example of how a good idea can be deliberately distorted by the so-called guardians of Chinese interests.

The Indians have their own problems. If statistics are to be believed, they have the highest incidence of alcoholism and drug addiction among the races. They have the lowest life expectancy, the highest school drop-out rate and the largest number of prisoners in proportion to the population.

Indians are responsible for almost half of all crimes committed in the country and 60 per cent of serious crimes are attributed to them. Many have joined the ranks of the urban poor, congregating in squatter settlements surrounding Kuala Lumpur and Petaling Jaya.

Where do we go from here? We have no choice but to address some of the basic issues in our society. Poverty is one. Poverty transcends race.

Sadly, it can be a potent ingredient in causing racial discord. The economic crisis of 1997 has negated some of our achievements in poverty eradication. It has risen to almost double the pre-crisis level.

After 1969, we addressed racial issues with a mix of social engineering, patriotism and slogans like *Rukunegara* and *Muhibbah*. Jingoism and sloganeering may sound preposterous today. But as the aftermath of 1969 taught us, anything that can bind the various races should at least be attempted.

Education is the key ingredient of nation building. Schools are supposed to inculcate the sense of belonging among the various races. Our schools should be promoting multi-culturalism and tolerance. Unfortunately, we have the curriculum but not the mix. Our children learn about the other races only in their books.

Understandably, everyone has an interest in education. Yet education can be hijacked for various reasons other than education itself. There is always a convenient excuse to politicise education and to cast aspersions on the planners and implementors.

The politics of education will continue indefinitely. Many of the fervent nationalists, blatant chauvinists and misguided Islamists would sacrifice even the future of their children in the name of protecting their own interest.

Meanwhile, millions of our children are deprived of a crucial element in the development of a multi-racial country like ours: to understand each other.

Our hope lies with our children. We have erred and paid a high price before.

Unless and until we realise nation building begins in schools, we will commit our children to the same mistakes made by us and our forefathers. We should look at education to better the future of our people, not as a source of contention for the most dubious and sinister of intentions.

■ The author, a former, was an editor of a Malay paper. He can be contacted at zulujj@tm.net.my.

**Fostering relations:** Encourage students to mingle socially, urges PM

# Multi-racial clubs on campus

NST
Wed, 14/08/02 pg. 1

By Chok Suat Ling
sling@nstp.com.my



ROUSING WELCOME: Tunku Abdul Rahman College students surging to greet Dr Mahathir. The Prime Minister later launched Universiti Tunku Abdul Rahman in a ceremony held at the college in Setapak. — NST picture by Shahril Rani

KUALA LUMPUR, Tues. — The Government is urging university students to set up multi-racial clubs on campus, and offering incentives to those most innovative in fostering better race relations.

In an effort to arrest deteriorating relations among students of different races, Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad said the proposed clubs with leaders and members of all races should conduct courses on the customs, taboos and sensitivities of each race.

"Members must deliberately and consciously avoid conflict, especially those based on racial differences," he said at the launching of Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar).

"Every university should have multi-racial clubs which would enable students of different races to mingle socially, in sporting activities and educational outings in the country or abroad."

Dr Mahathir said relations between students of different races were deteriorating "when in fact they should be getting better with time".

"We have tried (to improve the situation) via the national education system, but clearly this has been unsuccessful because there are those who abuse existing policies to create wider rifts between the races."

Noting that the Government had introduced various means to foster racial integration, such as by encouraging students of different races to share accommodation, Dr Mahathir said, however, that there were "no positive efforts in this direction at universities".

"The university students are now keeping to their own race, they don't live together in the same dormitory, they sit apart in the lecture theatres, in the playing fields, and during co-curricular activities."

TURN TO PAGE 2, COL 5

MM, 18/08/03 - Ahad, pg 7.

Lakonan pura-pura rakyat Malaysia dalam perpaduan antara kaum

# Subjek agama bawa perpecahan?

## MUKADIMAH

WALAUPUN masyarakat majmuk negara ini menikmati keamanan dan hidup dengan penuh toleransi, namun isu penyatuan kaum tidak pernah boleh diperdebatkan. Kejituan perpaduan masih terus diperjuangkan dan pelbagai gagasan dikemukakan untuk [illegible].

Ini termasuklah pelaksanaan Sekolah Wawasan yang sehingga kini masih kurang mendapat sambutan dan sokongan. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pula meminta ditubuhkan persatuan yang dianggotai oleh pelajar pelbagai kaum di kampus untuk menggalakkan interaksi sesama mereka.

Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Profesor Dr. Chiam Heng Keng pula mempunyai pandangan yang berbeza mengenai arah haluan hubungan kaum di negara ini.

Katanya, antara penghalang perpaduan kaum ialah pengajaran subjek Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral di sekolah-sekolah. Beliau memberitahu BAHAROM MAHUSIN, sejak usia tujuh tahun lagi para pelajar sudah dipisahkan mengikut kaum ketika belajar Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral.

"Saya fikir ini telah memberi para pelajar idea bahawa mereka adalah dua kumpulan manusia yang berbeza," kata Pensyarah Fakulti Pendidikan Universiti Malaya itu ketika ditemui di pejabatnya Jumaat lalu.

Pengerusi Persatuan Komuniti Ikram Kuala Lumpur, Datuk Dr. Wan Abdul Halim Othman pula menyifatkan masyarakat negara ini sebenarnya hidup berpura-pura dalam konteks perpaduan kaum.

Ketika diwawancara oleh RAMLI ABDUL KARIM, beliau memberitahu:

"Memanglah kita dipuji oleh orang Barat yang datang ke sini tetapi jika mereka tinggal lama di Malaysia, mereka kemudian terkejut kerana mendapati orang Melayu, Cina dan India sebenarnya tidak [illegible].

"Yang nampak aman itu sebenarnya hanya lakonan."



DR. CHIAM HENG KENG

Perbezaan antara kaum diajar dari kecil dan ia diperkukuhkan apabila anak-anak itu meningkat dewasa. Akhirnya ia menjadi sebahagian daripada kehidupan dalaman seseorang, ia menjadi sebahagian daripada pemikiran bawah sedar mereka

**MINGGUAN: Baru-baru ini timbul semula perbincangan mengenai hubungan kaum di Malaysia. Dilaporkan bahawa pelajar-pelajar universiti tidak mahu bergaul dengan orang daripada kaum yang berbeza. Di manakah silapnya?**

[illegible]

M·M - Ahad
18/08/02
pg. 7.

# Perpaduan kaum di Malaysia makin merosot

**DATUK berpengalaman selama lebih 20 tahun mengkaji isu perpaduan kaum di negara ini. Bagi Datuk, bagaimanakah perpaduan kaum itu diukur?**

**DR. WAN HALIM:** Terlebih dahulu kita kena faham konsepnya. Apakah perpaduan? Ada orang kata apabila semua orang di Malaysia jadi macam Melayu atau apabila semua orang berbahasa Melayu dan beragama Islam, baru akan wujud perpaduan. Sebenarnya itu bukan konsep perpaduan. Kalau semua orang beragama Islam pun, mereka masih tidak bersatu.

Perpaduan kaum berlaku ialah apabila kita menerima perbezaan bukannya persamaan. Kita bersatu hanya apabila kita menerima perbezaan orang yang berlainan kaum dan agama.

Kita kena ada dasar. Selain kerajaan, semua institusi mesti ada dasar untuk memupuk perpaduan. Kebanyakan sekolah tidak ada dasar ini.

Kalau dasar kita setiap pelajar mesti berkongsi bilik dengan pelajar berlainan kaum di asrama, kita mesti tegas melaksanakannya. Di bilik darjah, susunan tempat duduk perlu dipastikan menggalakkan percampuran pelajar berbilang kaum, bukannya memberi kebebasan kepada pelajar. Begitu juga dalam masyarakat.

Memang baik memberi kebebasan positif iaitu *yang boleh menjurus ke arah perpaduan*, bukannya kebebasan yang memisahkan kaum. Apabila kita berpisah, kita juga sebenarnya bermusuh.

Kita mungkin menyangka kalau kita berkawan dengan orang yang sekaum dan seagama kita akan lebih aman. Realitinya tidak begitu. Kebanyakan konflik di dunia adalah di dalam sesuatu kaum bukannya di antara kaum.

**Di peringkat permukaan, rakyat Malaysia nampaknya bersatu, malah ia dianggap model negara berbilang bangsa oleh negara lain. Adakah Datuk yakin ini adalah satu realiti?**

**DR. WAN HALIM:** Macam mana kita tahu perpaduan itu wujud? Itu cuma tanggapan yang tidak dibuktikan. Kita tidak boleh kata sudah ada perpaduan kerana kita kata kita seolah-olah hidup aman di Malaysia. Sebenarnya apa yang berlaku ialah banyak kepura-puraan dalam kehidupan kita.

Memanglah orang Barat apabila mereka datang ke sini, mereka puji. Mereka kata Malaysia ini cukup aman. Tetapi kepada orang Barat yang tinggal lama di Malaysia, mereka akan terkejut apabila tahu bahawa orang Melayu, Cina dan India tidak ziarah menziarahi. Yang nampak aman itu sebenarnya hanya lakonan.

**Tetapi dalam keadaan tertentu rakyat Malaysia bersatu termasuk misalnya dalam bidang sukan. Bukankah itu satu petunjuk?**

**DR. WAN HALIM:** Itu pun bagi saya cuma di kulitnya saja. Dalam bidang sukan saya nampak dari segi zahir saja kita bersatu. Kalau kita lihat dari segi perhubungan individu, kita akan terkejut. Interaksi antara ahli-ahli sukan berlainan kaum hampir tidak wujud di negara ini.

**Jadi, Datuk ingin beritahu bahawa tidak wujud perpaduan di Malaysia?**

**DR. WAN HALIM:** Kalau kita bandingkan dengan negara-negara yang sekarang tengah menghadapi krisis perkauman seperti Sri Lanka, Fiji atau Lubnan, sudah tentu Malaysia lebih baik. Tetapi kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain, sebenarnya kita masih jauh daripada mereka.

Pada tahun 1970-an iaitu selepas peristiwa 13 Mei 1969, nampaknya kita semua ada azam untuk mengukuhkan perpaduan kaum. Tetapi darjahnya mula menurun pada tahun 1980-an dan 1990-an. Masyarakat kita bertambah tidak sensitif terhadap pandangan-pandangan kaum lain. Pada tahun 1970-an dan awal 1980-an, dalam program hiburan di televisyen kita ada penyanyi Cina menyanyikan lagu-lagu Melayu, tetapi pada tahun 1990-an dan selepas itu, sesetengah rancangan hiburan itu hanya membabitkan orang Melayu sahaja.

**Datuk menyebut tentang penurunan azam perpaduan pada tahun 1980-an berbanding 1970-an. Kenapakah ini berlaku?**

**DR. WAN HALIM:** Bagi saya, sebabnya mudah saja iaitu kerana kita telah lupa tentang peristiwa 13 Mei. Saya boleh buktikan bahawa pada tahun 1980-an dan 1990-an, soal perpaduan kaum tidak dianggap begitu penting. Yang banyak difokuskan ketika itu ialah perpaduan Melayu dan penerapan nilai-nilai Islam. Ketika itu, kita lupa apa yang berlaku dalam masyarakat Cina, India dan kaum-kaum lain.

**Dalam kes rancangan hiburan yang sudah tidak menggalakkan penyertaan kaum-kaum lain, adakah masalahnya kerana kita ketiadaan dasar yang jelas?**

**DR. WAN HALIM:** Saya rasa dasarnya ada tetapi tiada pemantauan. Saya berpendapat perlu ada satu badan penyelarasan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk menangani isu-isu perpaduan, bukannya di bawah sebuah kementerian seperti sekarang. Kini penyelarasan isu-isu perpaduan tidak jelas di Malaysia. Contohnya dalam masalah perpaduan di sekolah, adakah ia di bawah Kementerian Pendidikan atau Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat?

Penyelarasan ini penting supaya semua agensi sosial dipantau oleh sebuah badan khusus yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ia bukan saja memantau malah menegur dan menegur agensi-agensi yang mengabaikan soal perpaduan kaum termasuk dalam rancangan-rancangan di televisyen.

**Dalam kes pelajar-pelajar universiti tidak bergaul dengan rakan berlainan kaum, apa pula pandangan Datuk?**

**DR. WAN HALIM:** Kita tidak boleh lihat masalah ini apabila mereka sudah masuk universiti. Ketika itu sudah terlambat. Kita kena balik ke belakang seawal peringkat prasekolah. Iaitu bagaimana keadaannya di Taska, sekolah rendah dan sekolah menengah. Kalau mereka tidak pernah berkongsi iaitu belajar dan tinggal bersama tetapi apabila sampai ke universiti kita paksa mereka tinggal bersama, memanglah mereka takut dan tidak selesa.

Bagaimanapun, kalau pentadbiran universiti mempunyai dasar yang jelas, masalah ini boleh diatasi. Kalau pelajar tidak mahu tinggal bercampur, jangan tinggal di dalam kampus, duduk saja di luar. Tetapi kita nampak ada kelemahan di pihak pentadbir yang tiada kefahaman dan tidak sedar bahawa isu perpaduan kaum ini penting.

Kita kena faham bahawa universiti bukan sekadar tempat mendapat ijazah tetapi institusi untuk kita belajar menjadi dewasa dan menjadi warganegara yang berguna. Apa guna kita harap mereka yang keluar dari universiti ini bekerja dengan masyarakat pelbagai kaum sedangkan seumur hidup mereka tidak pernah berkenalan dan belajar bersama orang berlainan kaum.

**Adakah pengasingan kaum mengikut beberapa aliran sekolah seperti Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil menyumbang kepada masalah perpaduan?**

**DR. WAN HALIM:** Salah satu daripadanya memanglah disebabkan oleh sistem pendidikan. Tetapi persoalannya ramai orang sekarang mengatakan adalah lebih baik orang Melayu dan Islam belajar di sekolah yang berasingan dengan orang bukan Melayu. Kononnya kerana mahu memperkasakan pengajaran *agama Islam*. Mereka ini tidak memikirkan kesan jangka masa panjang langkah itu kepada perpaduan kaum.

**Perpaduan kaum penting tetapi orang Melayu, Cina atau India nampaknya mahu anak-anak mereka dibesarkan di sekolah yang boleh mengekalkan identiti bangsa mereka. Apakah komen Datuk?**

**DR. WAN HALIM:** Saya tidak setuju. Pandangan saya adalah sebaliknya. Identiti sebenarnya timbul apabila ada interaksi dengan kaum lain. Identiti Melayu, misalnya, tidak boleh timbul kalau kita hanya bergaul dengan orang Melayu.

Kalau seorang budak Melayu berinteraksi dengan seorang budak Cina, dia akan lebih sedar tentang identiti kemelayuannya. Begitu juga seorang budak Melayu yang pergi ke Amerika Syarikat, apabila dia dalam masyarakat yang asing, barulah dia sedar tentang identiti bangsanya. Bagi saya, pergaulan antara kaum yang berlainan inilah yang akan meningkatkan identiti sesebuah kaum.

**Adakah disebabkan masing-masing kurang memahami budaya kaum lain menyebabkan kurangnya interaksi generasi muda berlainan kaum?**

**DR. WAN HALIM:** Ya. Saya rasa kita masih berfikiran atau mempunyai set minda seperti zaman dahulu. Iaitu dalam dunia ini kita tidak perlukan bangsa lain, kita hanya perlu jaga keluarga kita sendiri. Set minda kita perlu diubah.

Kalau set minda kita global, kita akan sedar tidak ada cara lain untuk maju dan berjaya, kecuali dengan bekerjasama dengan bangsa lain. Malaysia tidak akan maju seperti sekarang jika tiada persamaan dan perpaduan antara kaum.

**Pada pandangan Datuk, apakah yang perlu dilakukan untuk mengubati penyakit perpaduan ini?**

**DR. WAN HALIM:** Apa yang saya nampak sekarang ini ialah perpaduan nasional perlu dipentingkan semula. Perpaduan nasional ini lebih penting daripada perpaduan dalam kaum.

Kalau kita lebih banyak memberi tumpuan kepada kaum sendiri, kita akan terlupa perkara yang lebih penting iaitu perpaduan antara kaum.

Yang akan memusnahkan sesebuah negara itu bukannya krisis masyarakat dalam sesuatu kaum tetapi krisis masyarakat antara kaum. Sebab itulah kita perlukan perpaduan nasional.



DR. WAN ABDUL HALIM

# Universiti

## Tempat terbaik semai perpaduan

**Perspektif**

SOALAN (S): Benarkah perpaduan kaum di kampus universiti semakin meresot pada masa kini?

JAWAPAN (J): Adalah tidak benar perpaduan langsung tidak wujud di kampus universiti.

Ini kerana pelajar pelbagai kaum masih berinteraksi dengan baik walaupun tidak dalam satu kumpulan.

Maksudnya, kita saling tegur menegur dan cuba memperbaiki sekiranya apabila bersemuka dengan kaum berlainan warna kulit, budaya, bangsa dan agama.

Bagaimanapun, saya akui bahawa perpaduan seperti yang diharapkan oleh kerajaan masih jauh daripada kenyataan.

Apa yang berlaku kini setiap kumpulan pelajar tetap memilih untuk berada dalam kumpulan kaum masing-masing.

**S: Kerajaan telah melakukan pelbagai usaha untuk mewujudkan perpaduan tetapi nampaknya ia tidak berhasil. Apa komen anda dan kenapa perpaduan sukar dicapai?**

J: Usaha memupuk perpaduan perlu dilakukan sejak zaman kanak-kanak. Seperti pepatah Melayu – 'Melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Apabila sudah jadi buluh, tentulah sukar untuk dibentuk dan inilah yang berlaku dalam masyarakat kita.

Usaha memupuk perpaduan banyak dilakukan di kalangan yang dewasa misalnya pelajar universiti.

Tentulah sukar bagi seseorang yang telah lama hidupnya hanya di kalangan kumpulan kaum sebangsa tiba-tiba diminta memasuki kumpulan bangsa lain.

Faktor lain yang tidak boleh diabaikan ialah setiap individu bertanggungjawab mempertahankan budaya, agama dan identiti bangsa masing-masing.

**MUKADIMAH**

SELAIN sebagai pusat kecemerlangan ilmu, universiti juga adalah tempat pertembungan pelbagai identiti kaum yang terdapat di negara ini.

Bagaimanapun, kelebihan universiti sebagai tempat pertembungan pelbagai kaum ini kadang kala disalah gunakan oleh pelajar untuk mengasingkan diri kepada kelompok kaum masing-masing.

Justeru, universiti sering dilihat sebagai 'lubuk' kepada isu perkauman.

Bagaimanapun tidak bagi Presiden Bahasa Cina Universiti Malaya (UM), Teng Kok Liang yang merupakan pelajar tahun dua Ijazah Sarjana Muda Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial.

Universiti baginya ialah tempat yang paling sesuai sekali untuk memupuk perpaduan dan memahami budaya dan identiti semua kaum di negara ini.

Wartawan *Utusan Malaysia*, **ROHANA MAN** mendapatkan pandangan Kok Liang yang sebelum memasuki UM adalah pelajar sekolah aliran Cina di Pulau Pinang.

Dalam hal ini, apa-apa sahaja yang dilihat boleh menghakis identiti bangsa Cina maka ia akan ditolak.

Tanggapan itu yang telah sebati dalam fikiran bangsa Cina. Sebab itulah masyarakat Cina menolak konsep Sekolah Wawasan.

**S: Anda mengaku bahawa melentur buluh biarlah dari rebungnya. Tidakkah anda melihat usaha kerajaan menubuhkan sekolah wawasan adalah murni.**

J: Usaha itu memang murni tetapi setelah dikaji ternyata ia boleh menjejaskan identiti bangsa Cina. Ia tidak dapat diterima kerana fikiran kanak-kanak masih belum cukup matang untuk menilai perkara baik atau buruk.

Pendapat peribadi saya jelaskan kaum Cina bimbang pada akhirnya kanak-kanak Cina itu tidak menjadi seperti orang Cina yang sebenarnya.

Identiti mereka sebagai orang Cina mungkin akan hilang kerana pendidikan yang diterima di sekolah wawasan tidak akan membantu mereka menjadi orang Cina.

Masyarakat Cina boleh menerima apa sahaja usaha kerajaan untuk mewujudkan perpaduan tetapi janganlah sampai identiti bangsa perlu dikorbankan.

**S: Sebentar tadi anda berkata bahawa perpaduan perlu disemai pada kanak-kanak tetapi apabila ada usaha ke arah itu, anda menolak. Kenapa?**

J: Seperti yang saya jelaskan tadi bahawa fikiran kanak-kanak masih mentah dan memerlukan banyak bimbingan. Saya bimbang jika bimbingan yang diterima di sekolah wawasan boleh merosakkan pemikiran murid Cina yang akhirnya menyebabkan mereka hilang identiti bangsa.

**S: Jika konsep sekolah wawasan ditolak untuk mengukuhkan perpaduan, apa cadangan anda untuk memupuk perpaduan kaum rakyat negara ini?**

J: Memandangkan sekolah tiga aliran tidak boleh dihapuskan kerana ia boleh mendatangkan ketidakpuasan hati masyarakat majmuk negara ini maka usaha lain perlu dilakukan.

Antara usaha yang boleh dilakukan ialah mengadakan aktiviti di dalam dan luar bilik darjah yang melibatkan penyertaan semua kaum.

Ia boleh dilakukan pada acara sukan tahunan dan aktiviti persembahan pada hari persekolahan.

Interaksi pelajar pelbagai kaum akan berlaku dan akhirnya boleh memupuk perpaduan.

**S: Bagaimana pula usaha memupuk perpaduan di kalangan pelajar universiti?**



TENG KOK LIANG

J: Perpaduan di kampus dapat dijalin menerusi aktiviti yang dijalankan secara bersama terutamanya pergaulan di dewan kuliah.

Suasana di universiti sebenarnya lebih membuka peluang kepada pelajar untuk berinteraksi.

Ini terbukti kepada saya yang selama 12 tahun persekolahan dihabiskan dengan bergaul dengan rakan sebangsa sahaja.

Selama 12 tahun bersekolah, saya tidak berpeluang bercampur gaul dengan rakan Melayu atau India walaupun bapa saya pernah membawa saya berkunjung ke rumah rakan Melayunya pada hari raya.

Oleh itu, saya amat bersyukur kerana berpeluang memasuki universiti yang telah memberi peluang kepada saya untuk bercampur gaul dengan rakan Melayu dan India.

**S: Apakah perasaan anda ketika mula-mula mendapat peluang bercampur gaul dengan rakan Melayu dan India di UM? Adakah anda berasa curiga dengan mereka?**

J: Saya tidak berasa takut atau curiga ketika mula-mula bercampur dengan rakan Melayu, India, Kadazan atau Iban.

Ini kerana saya menghormati kepercayaan agama, bangsa dan budaya mereka. Untuk memahami mereka, saya tidak kisah berkawan dengan sesiapa sahaja.

Ini penting kerana saya berpendapat jika kita mahu orang lain menghormati budaya kita maka kita perlu menghormati budaya mereka.

Saling hormat menghormati inilah yang boleh membawa kepada perpaduan yang kukuh di kalangan rakyat pelbagai kaum.

**S: Bagaimana caranya anda menunjukkan rasa hormat anda terhadap budaya bangsa lain di kampus?**

J: Apa yang saya lakukan ialah memberi sokongan kepada pelajar bangsa lain yang menganjurkan program kebudayaan masing-masing.

Saya datang melihat persembahan mereka bukan kerana saya pemimpin pelajar tetapi kerana saya seorang Cina yang cuba memahami budaya bangsa lain.

Apatah lagi saya telah terlepas peluang itu selama 12 tahun di sekolah dahulu.

Saya pernah bertanya kepada seorang rakan bangsa Melayu itu bolehkah saya seorang Cina memasuki Persatuan Mahasiswa Islam?

Rakan Melayu saya menjawab boleh dan tidak ada salahnya. Saya boleh diletakkan di bawah [illegible] perpaduan.

Saya benar-benar terharu dengan kepercayaan itu. Ini menunjukkan bahawa perpaduan boleh dicapai cuma memerlukan masa dan usaha yang tepat untuk memastikannya dapat dicapai.

**S: Sebagai seorang Cina, apakah sebenarnya yang anda mahu dalam aspek perpaduan?**

J: Wajah negara yang saya [illegible] Malaysia [illegible] bukan wajah Melayu, Cina atau India.

Wajah Malaysia yang saya [illegible] itu bukan terikat pada budaya atau pakaian pelbagai kaum yang dijadikan budaya [illegible]

[illegible] bangsa.

Apa yang saya inginkan [illegible] orang Cina [illegible] orang Cina, Melayu atau India [illegible] Maka jawapan yang [illegible] saya orang Malaysia [illegible]

Pernah satu ketika [illegible] Singapura [illegible] ialah saya orang Singapura [illegible] yang belum berlaku di Malaysia dan saya berharap [illegible] kelak, ia akan menjadi kenyataan.

**S: Sebagai seorang bakal graduan Cina, apakah anda melihat peluang terbuka untuk anda bergaul dengan rakan Melayu dan India seperti semasa di universiti apabila anda bekerja kelak?**

J: [illegible] bersama [illegible] dengan mereka. Ini kerana kita hidup di dalam satu negara dan pergaulan dengan rakan berlainan bangsa penting untuk memastikan perpaduan terus terpelihara.

Tanpa perpaduan lebih banyak mudarat diperolehi daripada manfaat, jadi saya akan berusaha supaya apa yang saya alami di kampus akan berterusan di luar.

**S: Akhir sekali, apakah harapan anda terhadap perpaduan kaum di negara ini?**

J: Saya berharap semua pihak tidak kira apa kaum sekali pun saling percaya mempercayai dalam usaha mewujudkan perpaduan.

Usaha mewujudkan perpaduan tidak boleh berhenti tapi perlu diteruskan dari semasa ke semasa.

Saya juga yakin usaha yang dilakukan tidak akan mewujudkan 'perpaduan kosmetik' iaitu nampak baik di luar sahaja tetapi di dalam jiwa setiap kaum masih be[illegible]

Pelajar Cina [illegible] kampus [illegible] program yang telah [illegible] [illegible] bangsa [illegible]

# Tiada persatuan anak negeri tidak jejas perpaduan pelajar

BH, Khamis 17/10/02 pg. 12

SEMANGAT kedaerahan dan kenegerian memang wujud di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT), sama ada mereka menyertai persatuan anak negeri atau tidak.

Tetapi, disebabkan kegiatan persatuan anak negeri lebih mengutamakan mahasiswa dari negeri tertentu dan dilaksanakan di negeri asal mereka, ia menampakkan seolah-olah semangat kenegerian itu begitu menebal.

Sehubungan itu, ada IPT yang tidak membenarkan penubuhan persatuan anak negeri kerana dikhuatiri menyemarakkan lagi semangat kenegerian atau assabiyah dan menghalang proses integrasi.

Walaupun ada yang beranggapan tindakan menghalang penubuhan anak negeri sebagai tidak wajar, jika dinilai daripada kepentingan keseluruhan, ketiadaan persatuan itu tidak membawa kesan besar kepada pelajar.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), contohnya, tidak mempunyai persatuan anak negeri. Ia adalah cara untuk mendidik pelajar menghilangkan perbezaan disebabkan berlainan daerah atau negeri.

Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UIAM (MPPUIAM), Mohd Fadzli Mohd Ramly, berkata berlandaskan matlamat menyatukan ummah, kebajikan pelajar diletakkan dalam kepemimpinan MPPUIAM yang diiktiraf pihak pentadbiran.

Begitupun, katanya, UIAM tidak menyekat keperluan sosial pelajar meningkatkan kecemerlangan akademik menerusi penubuhan persatuan berasaskan kulliyyah dan persatuan kesenian seperti dikir barat, gamelan, persatuan seni mempertahankan diri dan persatuan sukan.

Katanya, walaupun pada dasarnya objektif penubuhan persatuan itu berbeza, namun cirinya sama, iaitu memberi peluang pelajar mendalami bidang yang mereka minati tanpa mengira bangsa atau negeri asal mereka.

Sementara itu, Pengerusi Kesenian dan Kebudayaan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM), Asrul Abu Seman, berkata persatuan anak negeri tidak perlu kerana di universiti, mahasiswa ibarat satu keluarga besar.

Katanya, apa yang berlaku perlu ditanggung bersama oleh mahasiswa dan masalah boleh diselesaikan dengan bantuan HEP.

Katanya, persatuan anak negeri tidak dibenarkan di UiTM atas alasan tidak mahu membangkitkan semangat kenegerian dan bagi mengelakkan dikaitkan dengan anasir negatif dari luar.

"Mustahil nak kata tidak ada pelajar berkelompok tetapi untuk kegiatan tertentu seperti kebudayaan negeri. Jika ada pun, tidak terhad kepada anak negeri tertentu.

"Seperti Kolej Perindu yang mengadakan pertandingan dikir barat, memang majoriti anak Kelantan terbabit tetapi ada juga anak negeri lain turut menunjukkan kebolehan mereka.

"Tidak ada tanggapan kerana dikir barat budaya Kelantan, dikuasai anak negeri Kelantan, negeri lain tidak mahu turut serta," katanya.

Asrul berkata, semangat kenegerian boleh dilihat ketika musim pilihan raya kampus di mana calon mendapat sokongan serta bantuan berkempen daripada rakan senegeri mereka.

Bagaimanapun, katanya, selama tiga tahun di UiTM, tidak pernah berlaku pergaduhan atau huru-hara disebabkan faktor kenegerian ketika kempen memilih pucuk pimpinan MPP.

# Pemansuhan persatuan anak negeri tidak selesai masalah

PERSATUAN anak negeri kini kurang digalakkan di sesetengah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kerana ditakuti memberi kesan buruk selepas didapati mempunyai kaitan dengan pemikiran aliran tertentu yang dipengaruhi parti pembangkang.

Kewujudan persatuan anak negeri juga dikatakan menyebabkan perasaan kenegerian menebal sehingga menimbulkan kelompok dan menghalang integrasi dengan pelajar lain.

Peristiwa kira-kira 100 pelajar Kolej Yayasan Melaka (KYM) di Batu Berendam, Melaka, bergaduh baru-baru ini, sehingga menyebabkan dua bilik asrama dan sebuah van rosak, turut dikaitkan dengan semangat kenegerian.

Ketua Eksekutif KYM, Dr Hamzaid Yahya, berkata kejadian itu tercetus apabila berlaku pergaduhan di antara seorang pelajar yang berasal dari Kelantan dengan seorang penuntut Johor.

Katanya, peristiwa pergaduhan itu pertama kali berlaku di KYM dan dipercayai berpunca daripada sikap tidak mahu bergaul dengan pelajar dari negeri lain.

Beliau berkata, walaupun pihak pentadbiran berusaha memastikan mereka bergaul antara satu sama lain tetapi mereka tetap berpindah dan tinggal sebilik dengan rakan mereka.

Berikutan kejadian itu, pelbagai pihak memberi pandangan dan melahirkan kebimbangan terhadap perpaduan kaum yang semakin longgar bukan saja di antara berlainan bangsa, malah juga satu bangsa berlainan negeri.

Antara yang menerima kesan ketara ialah persatuan anak negeri di IPTA yang dikatakan menyebabkan wujud jurang antara pelajar disebabkan tidak bergaul dan bercampur dengan rakan dari negeri lain.

Bagaimanapun, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) berpendapat masalah perkauman dan semangat kenegerian di IPTA tidak dapat diselesaikan dengan pemansuhan atau penggabungan persatuan anak negeri.

Setiausaha Agungnya, Syed Anuar Syed Mohamad, berkata persatuan anak negeri sepatutnya dilihat sebagai pemangkin ke arah pembentukan perpaduan di kalangan pelajar dengan syarat ia dilaksanakan secara terancang dan dipantau oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar IPTA itu.

Contohnya, kata beliau, Kerajaan Perak melalui Majlis Belia Negeri Perak menubuhkan jawatankuasa IPTA dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bagi mendekatkan hubungan di antara kepemimpinan negeri dan pelajar kelahiran Perak yang berselerak di seluruh negara.

"Langkah ini menjadi landasan terbaik bagi melaksanakan program membabitkan mahasiswa dan belia, termasuk perkongsian ilmu serta kemahiran melalui kegiatan anjuran badan belia seumpama ini," katanya.

Syed Anuar berkata, rangkaian kepemimpinan belia dan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) juga boleh menjadi titik permulaan ke arah usaha menyediakan tenaga pelapis yang akan meneruskan sumbangan kepada organisasi itu sendiri.

Katanya, kurangnya interaksi pelajar atau menularnya gejala kenegerian bukan disebabkan persatuan anak negeri tetapi lebih kepada faktor individu yang suka berkelompok dalam kumpulan tertentu.

Beliau berkata tindakan mereka itu yang mencetuskan keadaan berpuak serta enggan bergaul dengan pelajar lain, tidak mempamerkan keperibadian dan keintelektualan sebagai seorang pelajar.

Katanya, persatuan anak negeri boleh membantu memupuk dan menjalin hubungan silaturahim di kalangan pelajar menerusi program yang dilaksanakan selain menyemarakkan persaingan sihat ke arah kecemerlangan bagi mengangkat martabat negeri masing-masing.

"GPMS melihat program yang dilaksanakan persatuan anak negeri lebih menjurus kepada kecemerlangan dan perpaduan, bukan tertumpu kepada kumpulan tertentu. Ia tidak boleh dikaitkan dengan masalah perpecahan," katanya.

Katanya, pengurusan universiti perlu mencari penyelesaian lain untuk menggalakkan interaksi antara pelajar, bukan membuat keputusan terburu-buru memansuhkan persatuan anak negeri seperti dilakukan sesetengah IPTA.

# Penubuhan persatuan anak negeri galak jurang sosial antara pelajar



DR FATIMAH DAUD

**skop**

PELAJAR di institusi pengajian tinggi (IPT) beranggapan satu persatuan menggabungkan pelajar pelbagai bangsa yang datang dari seluruh negara lebih menggalakkan interaksi dan semangat perpaduan, berbanding persatuan yang hanya anggotai mereka dari negeri yang sama.

Malah, perbezaan agama serta budaya yang wujud di antara mereka akan menimbulkan perasaan ingin tahu dan akhirnya menukar persepsi negatif yang lahir berdasarkan pemerhatian bukan kesefahaman.

Pensyarah Jabatan Sosiologi dan Antropologi Universiti Malaya, Prof Dr Fatimah Daud, berkata untuk mengelakkan polarisasi dan menggalakkan perpaduan, kelompok etnik perlu dihapuskan.

"Melihat kepada perubahan yang dilalui masyarakat di seluruh dunia, kita perlu membuat penilaian mengenal kedudukan diri dan tidak boleh menganggap kita daripada bangsa atau negara berbeza.

"Ini kerana akan tiba masa di mana setiap orang tanpa mengira keturunan, agama atau negara akan termasuk dalam satu golongan yang dipanggil sebagai masyarakat satu dunia.

"Ini dinyatakan dalam buku bertajuk *Global Sociology* tulisan Robin Cohen supaya masyarakat bersedia menerima hakikat bahawa mereka bukan lagi milik sebuah negara, tetapi kepunyaan dunia.

"Kenyataan itu mungkin benar kerana sekarang pun, saya sudah mendapat tawaran mengajar di banyak universiti di seluruh dunia kerana mereka tidak anggap saya rakyat Malaysia tetapi milik dunia," katanya.

Sehubungan itu, Dr Fatimah berkata, semangat kekitaan seperti penubuhan persatuan anak negeri di IPT wajar dihapuskan kerana ia hanya akan menggalakkan jurang di antara pelajar.

Beliau berkata, kajian mengenai pembabitan pelajar dalam persatuan bercorak kenegerian menunjukkan mereka lebih suka tidak dilabelkan berdasarkan negeri atau bangsa.

Alasan mereka, kecenderungan bergiat dalam persatuan anak negeri mengehadkan pergaulan dan interaksi yang akan berlaku hanya di kalangan pelajar dari kampung, daerah dan negeri yang sama.

Generasi muda juga beranggapan bahawa Malaysia adalah negara mereka dan mahukan identiti mereka dikenali sebagai rakyat Malaysia, bukan orang Kedah, Perak, Selangor, Johor atau Kelantan.

Kajian membabitkan 2,000 pelajar di lima IPT itu mendapati hanya 57.3 peratus yang menyertai persatuan anak negeri manakala selebihnya berpendapat satu persatuan mewakili pelajar mencukupi.

Daripada pelajar yang ditemu bual, 38 peratus menunjukkan minat mempelajari serta memahami budaya bangsa lain seperti bahasa, makanan dan adat resam, kesan daripada interaksi antara mereka.

Dr Fatimah berkata, kesediaan pelajar bergaul sesama mereka adalah bukti bahawa negeri sudah tidak mempunyai sempadan dan pembubaran persatuan anak negeri tidak mendatangkan sebarang kerugian.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut menyuarakan kebimbangan mengenai fenomena pelajar universiti hari ini yang gemar mengasingkan diri mengikut kaum.

"Maknanya, sudah tiba masa persatuan anak negeri dimansuhkan kerana terlalu taksub dengan semangat kenegerian akan mengakibatkan perpecahan.

"Aspek kenegerian dan kedaerahan sudah ketinggalan zaman," katanya.

Lagipun, katanya, persatuan anak negeri sekarang tidak menonjol berbanding dulu di mana ia digunakan sebagai landasan untuk mendapatkan sokongan demi kepentingan anak asal negeri berkenaan.

Beliau berkata, bagi mereka yang merantau memerlukan rakan dari kampung halaman untuk mendapatkan sokongan moral ketika berada di tempat orang.

Katanya, konsep penghijrahan sekarang dari luar bandar ke bandar besar adalah bersifat global dan generasi muda nampaknya bersedia bergaul dengan sesiapa saja di sekeliling mereka.

Bagaimanapun, katanya, tidak dinafikan masih ada yang terus dibayangi pengaruh kedaerahan, menyebabkan mereka berasa tidak selamat sekiranya gagal berjumpa saudara atau kenalan dari negeri mereka.

Dr Fatimah berkata, dalam kaedah psikologi, seseorang itu perlu kepada sokongan untuk memberi kekuatan kepada mereka dan sokongan biasanya diperoleh daripada ahli keluarga atau kawan dalam kumpulan yang sama.

Katanya, pergaduhan yang berlaku antara kira-kira 100 pelajar Kelantan dan Johor di Kolej Yayasan Melaka (YKM), Batu Berendam bukan dipengaruhi semangat kenegerian tetapi lebih bersifat perbalahan individu.

Katanya, teori yang boleh dibuat berhubung kejadian itu ialah pertengkaran dua individu bertukar menjadi pergaduhan dua negeri apabila pihak berbalah mendapat sokongan rakan senegeri mereka.

"Mungkin juga mereka dicucuk oleh rakan dari negeri lain sehingga menyebabkan pertengkaran kecil menjadi tidak terkawal sehingga berlaku keganasan," katanya.

# Pelajar Kelantan tebal semangat kenegerian

BH Khamis 17/10/02 pg 13

ADA dua sebab utama mengapa pelajar Kelantan lebih suka bergaul sesama mereka, iaitu mudah memahami percakapan serta maksud yang hendak disampaikan dan keduanya, tidak mahu dianggap ingin menjadi 'orang luar'.

Pensyarah Jabatan Sosiologi dan Antropologi Universiti Malaya, Prof Dr Fatimah Daud, berkata disebabkan keselesaan yang dirasai ketika berada dalam kumpulan mereka, anak Kelantan dianggap terlalu bersikap kenegerian.

Katanya, keselesaan itu juga lama-kelamaan menjadikan anak Kelantan kurang minat bergaul dan berinteraksi dengan rakan dari negeri lain, seterusnya melebarkan jurang sosial antara mereka.

Katanya, perasaan malu kerana sukar membuang dialek Kelantan ketika bercakap menggunakan bahasa kebangsaan turut menjadi faktor yang menghalang mereka berkomunikasi dengan pelajar dari negeri lain.

"Jika dibandingkan dengan negeri lain, percakapan mereka tidak jauh berbeza dengan bahasa kebangsaan.

"Ayor bagi orang Perak mudah ditafsir sebagai air tetapi 'samah' untuk 50 sen orang Kelantan adalah sesuatu yang dianggap asing dan tiada kaitan dengan duit.

"Mahu atau tidak, orang Kelantan perlu mengakui perkara ini, terutama mereka yang belum pernah terdedah kepada dunia luar dan masih lagi dibelenggu cara hidup di negeri sendiri," katanya.

Dr Fatimah berkata, berdasarkan kecenderungan itu, apabila sebut orang Kelantan, akan timbul tanggapan taksub, agresif dan suka berada dalam puak mereka di mana saja berada.

Faktor kedua, iaitu takut disindir ingin 'menjadi orang luar' turut membantutkan usaha membangunkan personaliti diri dan melebarkan lagi rangkaian kenalan daripada berbilang bangsa atau negeri.

Katanya, beliau sendiri pernah disindir rakan dari Kelantan sebagai angkuh dan ingin menjadi orang luar apabila menggunakan bahasa kebangsaan ketika berbual.

Anak kelahiran Kota Bharu itu berkata, beliau sedikit pun tidak berkecil hati melihat peri laku rakannya kerana sudah cukup faham sikap masyarakat di negeri asal usulnya.

Cuma, katanya, untuk tidak mengeruhkan suasana dan memuaskan hati rakan tadi, beliau terus bertukar bercakap dialek Kelantan.

Pengalaman sama dilalui anak lelaki beliau yang belajar di sekolah berasrama penuh, dipulaukan rakan dari Kelantan hanya kerana tidak mahu bercakap dialek Kelantan.

"Dalam bahasa sosiologi, cara menyindir itu menunjukkan mereka mengenakan sekatan sosial terhadap orang Kelantan yang tidak bercakap dialek Kelantan.

"Mereka juga melabelkan orang negeri lain sebagai orang luar dan tidak sedar bahawa orang lain juga mempunyai tanggapan sama terhadap mereka," katanya.



**PELAJAR baru UIAM berikrar pada majlis angkat sumpah pelajar baru-baru ini. – Gambar hiasan**

Mingguan Mlesia
Ahad 26/12/2004
(pg. 1+4)

Tidak mampu satupadukan rakyat berbilang kaum, agama – Najib

# Tolak konsep asimilasi

Oleh ZULKIFLI JALIL
dan AHMAD SYAHIR KASSIM

BALIK PULAU 25 Dis. – Malaysia menolak konsep asimilasi kaum kerana percaya ia tidak mampu menyatupadukan rakyat berbilang kaum dan agama dalam sesebuah negara.

Sebaliknya, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan berpegang teguh kepada prinsip integrasi yang terbukti berjaya membawa keharmonian dan kemakmuran kepada masyarakat Islam dan penganut agama lain.

Tegas beliau, kerajaan tidak pernah memaksa kaum tertentu supaya menukar identiti, nama, agama dan budaya mereka untuk diasimilasikan mengikut kaum majoriti.

Begitu juga, katanya, paksaan tidak dilakukan terhadap sesuatu kaum dalam aspek pakaian dan pendidikan terutama mengehadkan kepada satu aliran sekolah sahaja.

"Kita tidak pernah paksa mereka (rakyat pelbagai kaum) buat apa yang tidak sesuai dan selari dengan mereka.

"Walaupun kita tidak paksa, mereka pula dengan amalan dan budaya masing-masing tetap warga Malaysia yang kasih dan cinta kepada negara.

"Inilah rahsia kejayaan Malaysia yang rakyatnya semakin kukuh perpaduan mereka," kata beliau ketika berucap menutup Karnival Sukaneka Perpaduan Balik Pulau 2004, di Kompleks Sukan Balik Pulau di sini hari ini.

Malaysia yang didiami hampir 25 juta penduduk pelbagai kaum dan etnik dengan majoriti Melayu, Cina dan India sering disifatkan oleh negara luar sebagai contoh negara yang berjaya mengekalkan perpaduan dan kestabilan.

Menerusi dasar perkongsian kuasa sejak negara mengecapi kemerdekaan pada 1957, rakyat Malaysia hidup secara aman dan harmoni, katanya.

"Jika kita asyik bergaduh, bagaimana kita hendak memakmurkan negara dan hidup dalam keadaan yang baik dan disebabkan itu rakyat Malaysia harus

■ Lihat muka 4

SAMBUNGAN MUKA 1

## Tolak konsep asimilasi

menghargai keamanan negara dengan berusaha mengekalkan konsep yang sedia ada," kata beliau.

Ini berbeza dengan beberapa negara di rantau ini yang sering berdepan dengan kekacauan akibat rasa tidak puas hati di kalangan rakyatnya terhadap pemerintah.

Najib menjelaskan Malaysia selesa memilih cara dan jalan sendiri dalam usaha mencapai perpaduan nasional untuk rakyatnya.

"Antaranya, kita tidak mengikut negara lain walaupun negara-negara jiran kita sendiri kerana mereka pilih jalan lain dan cara tersendiri.

"Umpamanya ada negara yang pilih asimilasi kerana fikir cara itu boleh melahirkan perpaduan yang lebih kukuh. Namun kita (Malaysia) pilih integrasi kaum kerana ada hikmahnya," katanya.

Dalam aspek ini, tegas Najib, Malaysia tidak kisah dengan 'pandangan pihak tertentu' asalkan kerajaan berjaya mencapai matlamat menyatupadukan rakyat.

"Kita berkongsi kekayaan dan perayaan contohnya sambutan Krismas di Petaling Jaya, Selangor malam ini.

"Ini adalah antara contohnya. Tidak ada satu kaum yang membolot sama ada politik atau kekayaan, maka inilah sebabnya kita dapat membentuk negara bangsa yang seimbang, adil dan saksama," katanya.

Najib turut mengingatkan jika kepimpinan sesebuah negara itu berjalan baik, kesannya secara tidak langsung boleh menyatupadukan semua kaum dalam negara berkenaan.

Tegas beliau: "Kalau kami berdua (Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beliau) dapat menunjukkan permuafakatan jitu, maka saya percaya prinsip atau pendekatan ini dapat diterjemahkan di semua peringkat.

"Insya-Allah, kerja berat ini boleh dilaksanakan."

# Persatuan pelajar perlu elak sikap perkauman

BH, 6/09/02 - Jumaat
pg 4

KUALA LUMPUR, Khamis – Persatuan pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) dinasihatkan tidak mengamalkan sikap perkauman dan kenegerian dalam mengadakan sebarang aktiviti.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata sebaliknya semua persatuan harus berusaha menyatupadukan pelajar pelbagai kaum dan negeri melalui kegiatan mereka.

"Itu sebabnya kementerian melalui Sekretariat Rakan Muda memastikan semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mewujudkan sekretariatnya sendiri tanpa sebarang had dari segi agama, kaum atau aktiviti.

"Paling penting, kita mengintegrasi dan memastikan perpaduan sesama sendiri kuat. Sebab itu program kokurikulum di IPT harus merangkumi aspek perpaduan dan keharmonian.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan majalah terbaru keluaran Berita Publishing Sdn Bhd (BPSB), i-Remaja di Universiti Malaya (UM) di sini, hari ini.

Turut hadir Naib Canselor UM, Prof Datuk Dr Anuar Zaini, Pengerusi BPSB, Datuk Jalaluddin Bahauddin dan Ketua Pengarang BPSB, Datuk A Kadir Jasin.

Hishammuddin meminta semua akhbar dan majalah aliran utama memberi liputan dan sokongan kegiatan generasi muda termasuk anjuran penuntut IPT dan belia.

Beliau berkata, majalah i-Remaja adalah contoh baik kerana memberi tumpuan terhadap aktiviti generasi muda untuk menyuntik semangat remaja meneruskan usaha mereka selain menekankan nilai murni.

Katanya, semua syarikat penerbitan juga perlu memastikan artis dan atlit tidak terkongkong dengan persepsi identiti dan mereka harus diberi ruang menceburi bidang masing-masing.

Majalah dwi ahasa itu diterbitkan sebulan sekali dengan harga RM4.50.

# [illegible] tidak [illegible] pelbagai kaum [illegible] membimbangkan

KUALA LUMPUR 9 April — Pencapaian akademik tidak seimbang serta keputusan yang amat ketara perbezaannya di antara pelajar pelbagai kaum di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) masa kini amat membimbangkan.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad berkata, pada masa ini ada sekelompok pelajar mendapat markah yang rendah manakala kelompok lain mendapat markah tinggi.

Menurutnya, pencapaian pelajar Cina pada masa kini amat tinggi terutama dari segi bilangan yang mendapat ijazah kelas pertama.

"Soal gred dan kualiti adalah biasa di mana-mana universiti tetapi perbezaan inilah yang merisaukan kita," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Pengurusan Kementerian Pendidikan Asia Tenggara (Seameo) - Pusat Pembangunan Serantau Pendidikan Tinggi (Rihed), di sini, hari ini.

Menurut Musa di antara punca perbezaan pencapaian akademik di IPT adalah faktor prasarana dan guru di sekolah luar bandar.

Beliau menjelaskan, apabila sekelompok etnik pelajar itu datang dari sekolah yang tidak mempunyai prasarana dan guru yang baik maka pencapaian mereka juga akan menurun.

Bagaimanapun, Musa berkata, kementerian yakin perbezaan pencapaian akademik itu dapat diatasi dalam masa beberapa tahun ini.

"Semua pihak perlu mencari jalan ntuk memperbaiki keputusan peperiksaan semua kelompok etnik berkenaan.

"Ia satu perkara yang kita perlu usahakan, bukan sahaja di peringkat kementerian, malah di peringkat universiti dan pelajar itu sendiri," katanya.

Ekoran itu, katanya, kerajaan berusaha melengkapi prasarana itu termasuk membina lebih banyak Sekolah Berasrama Penuh (SBP).

Tambahnya, sebanyak 28 buah SBP baru akan dibina sepanjang Rancangan Malaysia Ke-8 bagi memberi pendidikan yang lebih sempurna kepada pelajar kelompok itu.

Selain itu, katanya, kementerian juga akan menentukan semua guru yang mengajar di sekolah luar bandar menerima latihan.

Jelasnya, guru bukan sahaja sentiasa berminat untuk mengajar dengan cemerlang tetapi mereka juga perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan pengajaran yang terkini.

"Untuk tujuan itu, kementerian sentiasa memastikan mereka menghadiri kursus yang diadakan di maktab perguruan dari semasa ke semasa," katanya.

Pada majlis itu juga, Musa berkata, pelajar IPT perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk membolehkan mereka mempunyai semangat daya saing yang tinggi.

UM 10/4/01 muks 2

# Perluaskan program atasi polarisasi kaum di institusi pendidikan

SERDANG 20 Ogos — Kementerian Pendidikan disaran memperluaskan program mengatasi masalah polarisasi kaum di institusi pendidikan kepada golongan pendidik.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin berkata, langkah itu perlu kerana masalah polarisasi kaum yang dikatakan banyak melibatkan golongan pelajar turut berlaku di kalangan pendidik.

"Bagaimana kita hendak mengatasi masalah polarisasi mahasiswa dan pelajar jika masalah di kalangan guru atau pensyarah tidak diatasi terlebih dahulu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri Dialog Kemerdekaan anjuran Kolej Kediaman ke-13 Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini hari ini.

Menurut Zainuddin, masalah polarisasi kaum sebenarnya bukan sahaja berlaku di kalangan pelajar tetapi turut berlaku kepada pendidik.

Beliau berkata, keadaan itu berlaku kerana golongan pendidik pada hari ini datang daripada aliran yang berlainan. Ini jelas beliau, berbeza pada zaman British, apabila semua pendidik datang daripada aliran yang sama.

Beliau menambah, usaha mengurangkan masalah polarisasi itu tidak seharusnya dilakukan oleh kerajaan sahaja, tetapi boleh dimulakan atas inisiatif golongan pendidik itu sendiri.

Sementara itu dalam ucapannya, Zainuddin berkata, masyarakat perlu mempertahankan kaedah politik bersifat evolusi yang menjadi tunjang utama kepada proses mendapatkan kemerdekaan negara.

Katanya, kaedah yang menekankan kepada kesederhanaan dan bergerak pada landasan rasional itu juga telah terbukti mampu untuk memacu kecemerlangan kepada pembangunan negara ini.

UM 21/08/02 - Rabu
pg. 14

# 'Wujudkan peraturan jayakan toleransi kaum antara pelajar'

BH, 25/08/02 (Ahad), pg. 15

**MALAYSIA dikenali sebagai negara model toleransi kaum di peringkat antarabangsa. Berpandukan cetusan semasa membabitkan beberapa isu yang menimbulkan perselisihan dan tidak sependapat sesama kaum, masihkah kita boleh mengakui toleransi kaum di negara ini masih kukuh dan utuh?**

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyuarakan kebimbangan mengenai fenomena pelajar universiti hari ini yang gemar mengasingkan diri mengikut kaum. Hubungan renggang sesama pelajar berlainan kaum semakin ketara dilihat di dewan kuliah, di padang permainan, dalam kegiatan kokurikulum dan tidak lagi mahu tinggal bersama-sama dalam 'dormitory'.

Dalam menangani masalah yang boleh dilihat semakin serius ini, kita tidak sepatutnya menuding jari kepada mana-mana pihak. Sebagai seorang yang berpengalaman luas dalam pentadbiran universiti dan perkembangan mahasiswa dalam tempoh 30 tahun, Berita Minggu mencadangkan ulasan, pandangan dan langkah yang perlu daripada tokoh akademik, Profesor Datuk Dr Firdaus Abdullah (gambar). Ikuti temu bual Wartawan JAMUDIN IDRIS dan HABSAH CHIN bersama beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kecil Panel Penasihat Perpaduan Negara dan Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya, mengenai metodologi KUPATERI (COOPATRI) melalui Pidato Muhibah yang dirasmikan 25 Ogos (hari ini), jam 2.00 petang di UM yang dirasakan akan penyelesaian kepada masalah pengasingan kaum di pusat pengajian tinggi di negara ini.

Bicara



Pada saya, toleransi kaum di negara ini masih utuh. Kita dapat mewujudkan persefahaman dan keharmonian bersama sejak lebih 50 tahun lalu, iaitu sejak sebelum merdeka lagi. Kecuali, dengan adanya insiden sporadik sekali-sekala, saya rasa secara relatifnya kita masih dapat berbangga dengan kejayaan kita mempertahankan keharmonian antara kaum ini.

[illegible]

**Sebagai tokoh akademik dan pernah memegang beberapa jawatan penting di Universiti Malaya, bagaimana Prof melihat toleransi kaum di situ?**

[illegible]

**Adakah kerenggangan ini berpunca daripada sikap tidak acuh universiti ataupun bermula daripada sikap pelajar sendiri?**

[illegible]

**Apa sepatutnya dibuat oleh pihak universiti untuk mengatasi masalah kerenggangan ini?**

[illegible]

**Pada pandangan Prof, apakah langkah drastik yang patut kita buat sekarang?**

[illegible]

**Apakah Pidato Muhibah untuk pelajar universiti. Apa rasionalnya?**

[illegible]

**Saya juga percaya, projek Pidato Muhibah adalah suatu yang baik, bagaimana untuk menarik khalayak supaya penyertaannya meluas?**

[illegible]

**Adakah pihak penganjur memberi peluang kepada pelajar untuk mengemukakan penyelidikan dan syaranan yang bernas?**

[illegible]

**Adakah ia juga akan membabitkan agensi lain seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, dari segi menghasilkan ... kecil?**

[illegible]

The Star . 21/08/02 - Wed . pg . 21



# Don't mar 45 years of racial unity

By Dr MOHAMAD KHIR BIN TOYO (President Malaysian Youth Council)

THIS Aug 31, we will celebrate our nation's 45th National Day, a day that marks our ascension into the ranks of independent and sovereign nations of the world.

More than four decades ago our founding fathers led by the late Tunku Abdul Rahman, forged a consensus among the various races through a united front (Alliance Party) [illegible] our freedom and liberty from our British colonisers.

Without the unity and resolve from the leadership and members of Umno, MCA and MIC through the Alliance and indeed without the unity and resolve of all Malaysians, we would not have been able to break the chain of colonisation.

Indeed it is unity between the multitude of races and ethnicity in Malaysia that form the single most important factor determining whether we will succeed or fail as a nation.

We have seen in the Balkans what can happen when the fire of racial hatred is stoked, we have seen what inhumanity man can visit on his fellow man when his primordial [illegible] of instinct takes over.

We must not allow the horrors event in the Balkans to ever see the light of day in our own beloved nation.

**Let us ensure this by taking decisive preventive measures to nip the problem in the bud.**

**Let us today, as a people and as a nation, re-dedicate ourselves to further strengthen this single most important factor that will determine our survival – that is unity among the races.**

It is my opinion that we need to start our efforts towards resolving this problem where it really matters, that is among the youths of the nation.

Our national youth policy defines youth as individuals between the ages of 15 and 40. This puts slightly over 40% of the nation's population in this category.

*As the newly elected president of the Malaysian Youth Council (MYC)* – a national umbrella body for youth organisations in Malaysia – I would like to make the agenda of national unity the core thrust of my presidency for the 2002-2004 session.

I wholeheartedly [illegible] that the issue is neither [illegible] nor overblown [illegible] we have undergraduates in local institutions of higher learning who are reluctant and even refuse to share accommodation with students of races other than their own.

It is not too [illegible] of overblown when the learned of our society cannot eat at the same table with fellow Malaysians of other races even when the food is taken from the same kiosk.

It become an issue that requires our immediate and undivided attention when reform in the education field should take root as every profession is seen through the unique vision of [illegible].

[illegible] take on even greater [illegible] when the future of our children and our nation [illegible] less important than [illegible]

[illegible]

[illegible] multi-cultural, multi-religious [illegible] groups [illegible] of all ethnic, colour and creed [illegible] the [illegible]

We must remove the root cause that hinders national unity – namely the inability among Malaysians to accept the reality of Malaysia [illegible] diverse nation in all aspects [illegible] culturally.

This inability to accept the reality has spawned extremists of all races. These extremists want to re-make Malaysia into a model that best reflects their [illegible] and they would like to surround themselves with ever higher walls in the hope that their heritage will not be tainted by [illegible] from the others.

Every race in Malaysia must accept the reality that the diverse nature of Malaysia is an unchangeable pillar.

Any effort to change this fact will lead to unimaginable consequences for the [illegible] and for us, her citizens.

This fact of diversity had been established at the onset of our independence in 1957, when from the overall population of Malaya, [illegible] were Malays, [illegible] Chinese, [illegible] Indians and [illegible] others.

Over the years, this [illegible] to a varying extent.

Why is it so hard [illegible] accept the inevitable?

There is a dangerous line of thinking among some that their fellow Malaysians from races other than their own are only here temporarily, that they owe their allegiance [illegible] to king, country and [illegible] but to [illegible]

Even when they [illegible] known no other country but Malaysia and were born and bred here, their loyalty is still questioned.

There are also those who [illegible] best known to [illegible] chosen to build [illegible] walls to separate them from their fellow Malaysians.

To them the best form of interaction with their fellow citizens of the other races is the best course to be taken.

As patriotic citizens who love Malaysia, we must ensure that what we [illegible] [illegible] that those who doubt their fellow Malaysians' loyalty and those Malaysians who wish to build more walls [illegible] their [illegible]

If we are lethargic and allow others with sinister motives to take the lead, then we have none but ourselves to blame for the sorry predicament that is sure to befall us.

Let us, every Malaysian, whether Malays, Chinese, Indians, Iban or Kadazan Dusun, build a more prosperous and stable Malaysia, a Malaysia that [illegible]

A Malaysia that can be a beacon to mankind as a place where multi-culturalism is celebrated, not disdained, and a source of strength rather than [illegible].



*PATRIOTIC SPIRIT: pupils of SRK [illegible] Selangor, Subang Jaya, proudly waving the Jalur Gemilang after receiving the miniature flags in preparation for last year's National Day celebrations.*

SEMANGAT perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum, termasuk pelajar di sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi (IPT) dilihat kian longgar.

# skop

Banyak sebab dikatakan menjadi punca, antaranya tidak mahu berinteraksi dan lebih suka berada dalam kelompok tertentu. Semangat kenegerian yang menebal turut memburukkan keadaan sehingga menyebabkan sesetengah universiti bertindak menghalang penubuhan persatuan anak negeri. Wartawan HASLIZA HASSAN mengupas isu perpaduan dan semangat kenegerian ini.

BH. Khamis, 17/10/02, Pg 12

# Pentadbir universiti disaran pantau persatuan

PENUBUHAN persatuan anak negeri perlu berlandaskan matlamat utama, iaitu untuk berganding bahu dengan pengurusan institusi pengajian tinggi (IPT) meningkatkan kecemerlangan akademik, menerapkan unsur kepemimpinan dan menjadi penyumbang ke arah negeri [illegible].

Sehubungan itu, jika persatuan anak negeri secara ada di IPT memiliki ciri [illegible], tidak ada sebab mengapa pihak universiti perlu menghalang penubuhan persatuan itu.

Pengerusi Biro Pendidikan Pemuda Umno, Dr Adham Baba, berkata jika persatuan anak negeri mengingkari peraturan dan membawa unsur tidak baik yang bersifat terlalu kenegerian atau menentang fungsi kerajaan dan mereka perlu dikaji semula.

Katanya, tindak wajar disebabkan ada sedikit, rasa [illegible] sebelangga kerana ia boleh mendatangkan kerugian kepada universiti apabila persatuan yang tidak bersalah, malah berjaya memartabatkan universiti, turut diharamkan.

"Persatuan anak negeri yang menyumbang ke arah menjana ilmiah dan menyuburkan kemasyarakatan tidak wajar diharamkan kerana ia salah kerugian kepada universiti.

"Tetapi jika dilihat persatuan itu cenderung menentang dan memihak parti pembangkang, kewujudan mereka perlu dikaji kerana kita tidak mahu unsur negatif mengganggu pemikiran pelajar [illegible]," katanya.

Dr Adham berkata, pihak universiti bertanggungjawab mentadbir dan memantau perkembangan persatuan anak negeri kerana tidak dinafikan ada yang bersifat ekstremis serta tidak mahu bertolak ansur dengan pentadbiran.

Menjawab persoalan sejauh mana persatuan anak negeri menjejaskan proses integrasi, beliau berkata persatuan yang berpegang teguh kepada prinsip kenegerian mampu mempengaruhi kepemimpinan untuk berpendirian antipembangunan dan menyokong parti pembangkang.

Memberi contoh persatuan anak negeri Kelantan dan Terengganu, beliau berkata, mereka yang tertakluk kepada kerajaan negeri sering menimbulkan masalah mematuhi peraturan universiti dan membawa elemen menghasut.



DR ADHAM BABA

Dr Adham berkata, secara tidak langsung pengaruh negatif yang dibawa oleh persatuan anak negeri berkenaan menjadikan rancangan pihak pembangkang membolosi benteng universiti.

Naib Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Shamsul Anuar Nasarah, berkata persatuan anak negeri di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menjadi keperluan jika matlamat penubuhannya untuk menjaga kebajikan ahli dari segi pencapaian akademik dan urusan pendidikan lain.

Beliau yang juga Pengerusi Biro Pendidikan dan Integrasi Nasional MBM berkata, apa yang dibimbangkan penubuhan persatuan menyimpang daripada matlamat asal dan disalah guna pihak tertentu untuk kepentingan politik.

Apabila berlaku keadaan itu, katanya, kehadiran persatuan anak negeri dilihat sebagai satu ancaman yang membawa unsur tidak baik dan ini memberi persepsi negatif orang ramai terhadap persatuan itu sendiri.

"Persoalan menyemarakkan lagi semangat kenegerian mungkin timbul apabila persatuan anak negeri diwujudkan dan tentunya dikira sebagai penghalang kepada usaha murni kerajaan menyatupadukan rakyat negara ini," katanya.

28/08/02 - wed.
NST., pg. 10.

# Remaking the Malaysian nation

**ON THE RECORD**

By Abdullah Ahmad

MY wife is very annoyed with me. She says I work too hard. In whatever I do, I try to do well. It is writing (and talking) that I most enjoy, and this she does not understand.

For the first three years of independence, I was a bachelor. I was present, a witness, at its creation 45 years ago and have never looked back. I plead with her that I have to concentrate on recording for posterity what I think is happening, and ought to be occurring, in our country.

You cannot but know that we live in a period of uncertainty. The arrogance of power is pervasive. The users wish all their enemies would crumble away into the dust or change their governments into clients. Remember the examples of our forefathers who fought for Merdeka. Few of their names are inscribed in the history books. We are still 18 years away from becoming a developed nation. We have no time to waste. We ought to take the latest and the best that the West can offer and which we can learn.

Malaysians must make greater efforts and accept more sacrifices. This is our country. The existence of our nation is being threatened, and we must fight to preserve it. It is a joint responsibility.

People of the Merdeka generation, myself included, were obsessed with building a nation. Young Malaysians, as with unoppressed and self-confident young people everywhere, are starting to be obsessed about themselves.

If they eventually heed John F. Kennedy's call to "ask not what the country can do for you, but what you can do for your country", then Malaysia will be on a roll. I can then say that we of the older generation have succeeded, perhaps even beyond what we dared to hope.

At first, we only hoped to live and let live. All the big ex-colonial countries had far grander ambitions. At the Afro-Asian Conference in Bandung in 1955, the Nehrus, Titos, Sukarnos, Nassers and Nkrumahs spoke as if they had the world at their feet. But few have come as far as we have. I can barely count them in one hand.

Perhaps we did better because our aims were more modest, and our leaders far more practical. Before independence, and between it and the formation of Malaysia, we had few things working for us. We had to contend with the Communist threat and the Indonesian Confrontation. In Malaya, Sabah, Sarawak and Singapore, the new federation had a splintered population in which no single race was in a majority. There was simply not enough ground for live and let live.

Until the amputation of Singapore in 1965 and the May 13, 1969 incident shifted the political demographics in favour of consensus, Malaysia was a disaster waiting to happen.

It did not, but we've had many close calls. To stand any chance at all, we had to secure and manage unity — firmly if need be. Each of us had to learn to make do with less than we felt we deserved. We had to get used to the idea that no single race could have it all. Who lives if Malaysia perishes?

We had to intertwine political stability and economic growth. And we often had to keep our mouths shut and stow our raw politics in cold storage to live in peace and goodwill with one another.

We did all this for the cause of Malaysia. In 45 years, the population has more than tripled, per capita income has risen 13-fold, the poverty rate has been cut from 50 per cent to less than seven and Malaysia has never been more stable and prosperous, despite continuing racial suspicion.

Tell me which other developing nation has done as well? If, after all we've gained, any Malaysian now feels that his sacrifice has been too onerous, then he doesn't deserve to be here. Let him leave.



A ROLE MODEL: Dr Mahathir went to an English school and did not become less Malay because of it.



VICTORIA INSTITUTION: Schools like this could be reconverted to teach in English again.

**Tell me which other developing nation has done as well? If, after all we've gained, any Malaysian now feels that his sacrifice has been too onerous, then he doesn't deserve to be here. Let him leave.**

In building the nation, unity is everything. States have failed and will fail without it. Our diversity of which we are so proud, will mean nothing if we do not have unity in the nucleus of our being. The Prime Minister, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, never tires of repeating over and over again, how vital it is for our country.

For our people, unity must be a mantra and a prayer. We should recite it every time we risk taking an untested position on sensitive matters such as security, education and language.

Malaysian democracy can and must be tolerant of differences of opinion, but only to the extent that it fosters consultation and compromise, and thereby aids consensus. In 45 years, that tolerance has increased. Certainly, as the middle ground broadens, so does the latitude for debate and discussion.

But be warned. Our democracy must serve to unite, not divide us. In the cause of Malaysia, we should not be embarrassed by laws such as the Internal Security Act. We must never be glad to use it. Indeed, it was abused against me and a few friends in 1976 for no reason other than we could not support the ambitions of some unpopular politicians.

But as long as there are Malaysians who forsake unity and who subvert and terrorise, we should possess every means to protect what we've built.

It was regrettable that the ISA had to be whispered around during the recent furore over the issue of introducing English subjects in schools. But there are undeniably chauvinists among us and we continue to put up with them in the generosity of our democracy and the undiminished hope that they will eventually see good sense.

These people have not grown up since Merdeka. They cannot and don't want to concur with the simple truth that we have enough constitutional protections to guard our multi-culturalism without their help.

The English debate is being hijacked by the narrowest vested interests: the educationists and teachers, the so-called "intellectuals" and writers and the race-based demagogue politicians. They are monocultural monomaniacs, focused on the sliver of Malaysia they call their own, instead of the synergistic whole.

What about the silent majority? I think they are sensible, moderate, inclusive and are holding fast to the middle ground. They are far more representative of the Malaysian mindset than the monochrome extremists, and should speak up for it.

Only by boldly protecting, and securely managing, our unity can we go on to the next phase of the Malaysia project — managing diversity. The Malaysian majority know that their children's prospects in a globalising and increasingly competitive world will be impaired by a retreat into cultural exclusiveness.

**But be warned. Our democracy must serve to unite, not divide us. In the cause of Malaysia, we should not be embarrassed by laws such as the Internal Security Act.**

If we have a deep-rooted unity, we can propose that Malaysian multi-racialism should be about multi-lingualism in the widest sense of the term. Malaysians should not then be mono-lingual, bilingual or even tri-lingual. They should know four languages and be proud of it!

Unity in diversity could then be measured in our openness to choice, in a multiplicity of solutions rather than short-order half-measures designed to please opposites. The English language issue would not be a problem at all.

If vested interests were not so intent on having things their way, we could have a partial reversion to the old British system in which there were four types of schools teaching in English, Malay, Chinese and Tamil. Dr Mahathir went to an English school, and he did not become less Malay because of it. Neither did I.

Some of those established schools — Penang Free School, Victoria Institution, English College, Sultan Abdul Hamid College, the Malay College, Anderson and Clifford Schools, King George V, St John's, St Michael's and St Paul's Institutions and the Convent schools — could be reconverted to teach again in English, with Bahasa Malaysia and Malaysian literature as compulsory subjects.

Muslims should be compelled to take Islamic studies. And non-Malays could opt for an additional subject in their mother tongue. That degree of openness belongs to the young, who are unburdened by the past and hopeful of the future. As long as our moderates stay lulled and permit the extremists to take the public podium on their behalf, our diversity can only be taken at face value.

Even so, that value is great. Before our linguistic neo-fascists go too far, let me remind them that there are dozens of UN-recognised dialects across the country. Let not the Chinese or Indians, or even the Malays, get too big for their boots, for there are Iban, Kadazandusun, Kelabit and Murut among many minorities that we as a united nation are beholden to protect.

Our tragedy today is a general and universal fear long perpetrated by the language and racial bigots that we cannot seem to face bravely once and for all. Them or us, bigots or moderates? Vocal minority or silent majority? We must do what needs to be done: the harmonisation of the new and the familiar, with a balance between novelty and synthesis.

You may, indeed you must, help to integrate a Malaysia that appears to be in danger. The political pendulum, in some areas, has swung dangerously far from the median, and you must help to restore it to the vital centre of its arc.